



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 3

Hari Rabu

30hb Mac, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

DAFTAR:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Ruangan 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 30hb Mac, 1988

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Paramjit Singh**.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

KESTABILAN POLITIK - LANGKAH-LANGKAH

1. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O. 23(2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan kestabilan politik di dalam negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (**Tuan Othman bin Abdul**): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil berat tentang kestabilan politik di negara ini supaya tidak timbul keadaan tegang dan curiga mencurigai di kalangan rakyat semua kaum. Kerajaan akan tetap mengambil langkah-langkah tegas dalam mewujudkan perpaduan rakyat. Kerajaan juga tidak teragak-agak menggunakan kuasa yang ada padanya untuk mengambil tindakan terhadap golongan yang cuba mengancam perpaduan rakyat dan ketenteraman awam serta menimbulkan isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan politik negara.

Dato' Tan Peng Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri bersetuju

iaitu untuk mendapatkan kestabilan politik dalam negara, kita terlebih dahulu mesti memperolehi perpaduan rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya itulah salah satu daripada syarat perpaduan dalam negara ini bahawa persefahaman dan perpaduan saling kasih mengasihi di antara rakyat adalah merupakan satu usaha penting bagi perpaduan negara.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang tepat, adakah pada pendapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, politik di dalam negara kita hari ini stabil atau tidak?

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan politik adalah stabil tetapi keadaan beberapa parti politik itu mungkin tidak stabil [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah Zainuddin.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2, saya ingin membuat pembetulan sedikit kerana terdapat perkataan yang silap iaitu "JPJ" ditulis sebagai "JPP".

MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI JPJ

2. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa ramai orang awam yang ditangkap kerana menyamar sebagai pegawai JPJ atau LPPJ pada tahun-tahun kebelakangan sehingga sekarang dan nyatakan mengikut jantina.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lepas sehingga sekarang, cuma seorang wanita sahaja yang telah ditangkap oleh pihak polis kerana disyaki menyamar sebagai Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak menerima apa-apa laporan atau

aduan dari pihak orang awam terhadap perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan Jalan ingin menasihatkan orang ramai supaya berwaspada dan meminta pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan menunjukkan kad pengenalan mereka, dengan izin, identity card mereka, jika perlu, sungguhpun mereka beruniform.

KUMPULAN ANTI HADIS - PENCEGAHAN

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang amat berkesan yang akan dilaksanakan bagi mencegah kewujudan Kumpulan Anti Hadis yang telah mula bertapak di negara ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, di antara usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan ialah dengan menerbitkan bahan-bahan bacaan seperti buku-buku berhubung dengan Hadis untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam dalam bidang Ilmu Hadis dan mencegah wujudnya Kumpulan Anti Hadis di negara ini.

kajian juga sedang dijalankan berhubung dengan sejauh mana kefahaman masyarakat Islam di Malaysia dengan ilmu Hadis. Selain daripada itu, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan satu seminar yang dinamakan Seminar Pengkajian Hadis Dalam Kontek Kefahaman Ummah pada bulan Julai, 1988 ini, bertempat di Dewan Muktamar, Pusat Islam.

Tiga Kertas Kerja akan dibentangkan di dalam seminar ini. Hasil dari langkah-langkah yang diusahakan ini akan dikemukakan kepada pihak berkenaan sebagai bahan perbincangan bagi mewujudkan lagi usaha-usaha selanjutnya untuk mencegah kewujudan Kumpulan Anti Hadis yang telah mula bertapak di negara ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, yang pertamanya, di manakah Kumpulan Anti Hadis ini berada, di pusat-pusat pengajian tinggikah, di pondok-pondokkah ataupun di kampung-kampung yang terpencil?

Yang keduanya, Kumpulan Anti Hadis ini adakah mereka ini anti kepada Hadis-hadis yang tertentu atau keseluruhan Hadis Rasulullah s.a.w?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, saya, tidak dapat untuk menetapkan tempat-tempat tertentu, tetapi saya yakin memang terdapat di merata-merata tempat kumpulan-kumpulan kecil, orang-orang perseorangan yang anti Hadis.

Bagi soalan kedua, sebahagian kecil daripada mereka ini menolak terus seperti mana yang tercatat dalam sebuah buku yang menolak Hadis, kononnya ini cerita-cerita dongeng dan tidak mempercayai bahawa ini adalah salah satu daripada sumber perundangan di dalam Islam - menolak keseluruhannya. Tetapi ada juga orang-orang yang hanya menolak sebahagian, tetapi kita tidak dapat membezakan mereka ini. Sebagaimana yang saya katakan bahawa ini tidaklah merupakan satu kumpulan yang besar tetapi ada orang-orang tertentu yang memainkan peranan ini.

Tuan Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Majlis Agama di Negeri-negeri dapati ada golongan atau individu anti Hadis yang sudahpun dikenal pasti didakwa di Mahkamah Syariah dan dihukum.

Tuan Othman bin Abdul: Sehingga ini, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada orang yang didakwa atau dihukum di bawah perkara ini dan inilah saya katakan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk mengesan dan mengkaji sedalam-dalamnya setakat mana ianya mempengaruhi dan akan mempengaruhi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Hadis Rasulullah s.a.w. ini.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak Kerajaan sama ada kumpulan anti Hadis ini dianggap ataupun dijangka berbau subversif atau tidak yang boleh mengancam kestabilan politik negara ataupun ianya sekadar kumpulan yang mempengaruhi ajaran-ajaran agama tertentu sahaja?

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Yang Berhormat, kumpulan ini sebenarnya tidak mahu menggunakan Hadis sebagai sumber perundangan di dalam Islam. Mereka masih yakin dan berpegang kepada Al-Quran sebagai sumber di dalam Islam. Itu sahaja perbezaannya. Mereka ini bukanlah menjadi satu kumpulan subversif yang boleh mengancam keselamatan negara tetapi memesong aqidah umat Islam. Itulah kesalahan yang besar kepada mereka.

DOKTOR DALAM JAWATANKUASA KAWALAN DADAH

4. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan bilangan perwakilan doktor yang kurang dalam Jawatankuasa Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan peranan penting yang dimainkan oleh doktor dalam bidang perubatan, adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk menambahkan bilangan perwakilan doktor dalam Jawatankuasa tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan perwakilan doktor dalam Pihak Berkuasa Kawalan Dadah adalah dianggap memadai.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah mempunyai 8 Ahli yang terdiri dari 3 orang Doktor, 3 ahli Farmasi dan ahli Farmakologi. Oleh yang demikian Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menambah bilangan perwakilan doktor dalam Pihak Berkuasa itu.

Dr Ng Khok Kiung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian menyedari bahawa langkah-langkah kawalan dadah yang diambil alih oleh Jawatankuasa pihak Berkuasa Kawalan Dadah kemungkinan mengakibatkan wujudnya monopoli setengah-setengah jenis ubat yang dipasarkan oleh syarikat-syarikat antarabangsa, dan adakah pihak Kementerian bercadang mengadakan satu kawalan harga pada jenis-jenis ubat tersebut?

Cik Teng Gaik Kwan: Untuk makluman Yang Berhormat, perwakilan doktor dalam Pihak Berkuasa Kawalan Dadah selalu ada mengkaji apa-apa langkah yang diambil di masa akan datang.

MAJLIS PETROLEUM ASEAN - PERANAN

5. **Puan Mazidah Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) peranan Majlis mengenai Petroleum ASEAN (ASEAN Council on Petroleum atau ASCOPE) untuk mempertingkatkan kerjasama dalam perusahaan petroleum di antara negara-negara anggota ASEAN; dan
- (b) apakah bidang-bidang kerjasama yang telah dilaksanakan melalui ASCOPE ini dan apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia secara khususnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mengenai Petroleum ASEAN (ASEAN Council on Petroleum atau ASCOPE) merupakan sebuah pertubuhan syarikat-syarikat minyak Kerajaan di negara-negara anggota ASEAN termasuk Brunei.

Peranan ASCOPE untuk mempertingkatkan kerjasama dalam perusahaan petroleum di antara negara-negara ASEAN bolehlah dilihat dari segi objektif penubuhannya iaitu:-

- (i) untuk mengadakan kerjasama yang erat dalam pembangunan sumber petroleum di rantau ini melalui konsep sama rata dan perkongsian;
- (ii) bekerjasama ke arah penggunaan bahan-bahan petroleum tanpa pembaziran;
- (iii) untuk memberi pertolongan dalam bidang latihan pekerjaan dan memberi kerjasama dalam penggunaan kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara-negara ahli; dan
- (iv) untuk mengekalkan kerjasama yang erat dengan pertubuhan antarabangsa dan serantau yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama.

Bagi menjawab soalan (b), secara umumnya ASCOPE telah melaksanakan kerjasama dalam berbagai bidang seperti di bidang teknikal, ekonomi, undang-undang dan latihan dan faedah yang yang diperolehi oleh Malaysia secara khususnya adalah seperti berikut:-

- (i) di dalam bidang teknikal misalnya perbincangan teknikal dalam pengendalian loji penapisan telah diadakan. Perbincangan ini memberi faedah dari segi pertambahan pengetahuan bagi negara-negara anggota mengenai perkembangan teknologi industri penapisan minyak yang terbaru.

- (ii) di dalam bidang ekonomi, rancangan keselamatan petroleum telah dilaksanakan di mana ahli-ahli telah bekerjasama melalui bantuan bekalan minyak mentah dan bahan-bahan petroleum kepada ahli-ahli yang mengalami kekurangan bahan-bahan tersebut. Rancangan keselamatan petroleum ini memberi faedah dari segi memastikan bekalan minyak mentah dan bahan-bahan petroleum negara mencukupi di dalam keadaan negara menghadapi krisis
- (iii) di dalam bidang undang-undang, negara-negara anggota telah meneliti dan mengkaji beberapa peruntukan di dalam perjanjian perkongsian pengeluaran minyak masing-masing dengan tujuan untuk mengemaskinikan perjanjian-perjanjian tersebut. Dengan adanya kajian ini negara kita akan dapat mengetahui sama ada perjanjian perkongsian pengeluaran yang diamalkan di negara kita ini terlalu ketat atau longgar dalam konteks suasana menggalakkan pelaburan asing; dan
- (iv) dalam bidang latihan, pegawai-pegawai dari PETRONAS telah menyertai berbagai-bagai latihan yang telah dianjurkan oleh ASCOPE termasuk latihan sambil bekerja atau, dengan izin, 'on-the job training' di syarikat-syarikat minyak negara-negara ASEAN. Seminar-seminar dan

bengkel mengenai industri petroleum juga diadakan di samping latihan. Dengan adanya latihan-latihan, bengkel dari seminar seperti ini, pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dapat dipertingkatkan dan ini dapat memberi manfaat kepada negara.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

6. Dato' Dr. K.S. Nijhar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jikalau boleh pergiatkan lagi usaha serius untuk mempercepatkan kelulusan permohonan-permohonan kewarganegaraan oleh mereka yang lahir di tanahair supaya mengatasi kekecewaan mereka kerana terpaksa menunggu begitu lama.

Timbalan Menteri Dalam Negeri[Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa berusaha untuk memproses secepat mungkin setiap permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan termasuk permohonan daripada mereka yang lahir di negara ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri terpaksa meneliti setiap maklumat yang dikemukakan untuk permohonan kewarganegaraan bagi mengesahkan kesahihan keterangan yang dikemukakan oleh pemohon berkenaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah panduan atau kriteria yang mana Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan sesuatu sijil kewarganegaraan kepada setengah-setengah pemohon yang telah duduk di negara kita lebih kurang 10 sampai 20 tahun dan juga telahpun lulus peperiksaan lisan Bahasa Malaysia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, lulusnya ujian lisan adalah salah satu daripada syarat tetapi syarat-syarat lain iaitu keterangan-keterangan yang benar, bukan keterangan palsu, begitu juga dari segi jenayah yang telah dilakukan dan kalau kesemuanya telah dikemukakan kepada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri berpuas hati dengan segala-galanya maka mereka bolehlah diluluskan untuk menjadi warganegara.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semenjak Kerajaan kita mempopularkan lagu "Setia" adakah salah satu syarat bagi tiap-tiap yang memohon menjadi warganegara mesti lancar lagu "Setia"? [Ketawa]

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu kita belum lagi masukkan lagu "Setia" sebagai salah satu daripada syarat untuk memohon warganegara.

PERLEMBAGAAN NEGARA - CERAMAH

7. Tuan C. Krishnan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Jabatan Penerangan bercadang untuk menghidupkan semula ceramah mengenai Perlembagaan memandangkan generasi muda masih tidak begitu jelas mengenai isi kandungan Perlembagaan Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan melalui Jabatan Penerangan sedia mengadakan berbagai-bagai kursus dan aktiviti seperti Perhimpunan-perhimpunan Sivik untuk menerangkan kepada orang ramai termasuk generasi muda mengenai Perlembagaan Negara. Ceramah-ceramah mengenai Perlembagaan diberi oleh pegawai-pegawai yang diberi latihan pengkhususan mengenai Perlembagaan Negara.

Kegiatan face-to-face communication, dengan izin, atau perhubungan bersemuka Jabatan Penerangan ini telah disusun semula bagi mencapai matlamat meneraagkan dan mendidik rakyat tentang Perlembagaan Negara, dasar-dasar Kerajaan dan rancangan-rancangan Kerajaan serta isu-isu yang dihadapi oleh negara pada masa kini.

Jabatan Penerangan juga sedang mempertingkatkan lagi usaha-usaha seperti di atas supaya dapat meningkatkan lagi semangat membangun dan cintakan negara di setiap lapisan masyarakat.

PETRONAS - NILAI KONTRAK

8. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan berapakah nilai dan peratus kerja-kerja kontrak PETRONAS yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera pada tahun 1987. Adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan peratus penyertaan tersebut, jika tidak apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasinya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitan bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah \$ 1,795 juta nilai kontrak yang telah ditawarkan oleh PETRONAS sepanjang tahun 1987, 74% daripada

nilai tersebut atau \$1,335 juta telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Dari segi bilangan kontrak pula kontraktor-kontraktor bumiputera telah berjaya memperolehi 589 atau 64% kontrak daripada jumlah 939 bilangan kontrak yang dikeluarkan dalam tahun berkenaan.

Berdasarkan kepada peratus bilangan kontrak dan nilai kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, penglibatan mereka boleh dianggap memuaskan. Walau bagaimanapun, dari segi penglibatan sebenar syarikat-syarikat tersebut dalam menjayakan kontrak-kontrak masih lagi belum memuaskan kerana kebanyakan daripada kontrak-kontrak yang telah ditawarkan telah dilaksanakan dan dikendalikan oleh rakan usahasama atau "principal" asing. Sehingga kini pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat bumiputera belum menggalakkan kerana sebilangan besar daripada syarikat-syarikat bumiputera sangat bergantung kepada kepakaran rakan usahasama kerana masih lagi kekurangan kepakaran yang terdapat di negara kita ini.

Dengan kesedaran akan masalah ini, Kerajaan sedang menggubal satu rangka pelan penyertaan bumiputera di dalam industri petroleum bagi merancang strategi-strategi yang lebih berkesan untuk menentukan penyertaan bumiputera di dalam industri ini bukan sahaja meningkat dari segi jumlah atau peratusan kontrak yang ditawarkan tetapi juga dari segi penglibatan sebenar di dalam semua aspek pengurusan dan penyelenggaraan industri ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya dapat tahu EPMI memainkan peranan penting di dalam perkembangan PETRONAS memandangkan EPMI menjadi kontrak utama kepada PETRONAS di dalam kerja-kerja exploration dan pembinaan. EPMI kemudiannya akan memberi kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor yang lain. Saya ingin tahu, adakah benar dakwaan yang menyatakan

EPMI tidak mematuhi pemberian kerja kepada kontraktor-kontraktor tempatan khususnya bumiputera, malah di dalam setengah-setengah hal boleh menjadi penghalang kepada kemajuan kontraktor-kontraktor tempatan?

Yang kedua, saya ingin tanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu adakah PETRONAS memerlukan EPMI sebagai ejennya untuk mengendalikan kerja-kerja kontrak di dalam negara ini?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama jawapannya ialah dakwaan itu tidak betul. Apa yang terjadi dalam satu-satu kontrak yang dipunyai oleh EPMI ialah semua kontrak-kontrak itu akan diselidiki oleh EPMI sendiri tetapi hak untuk memberi mutlak kontrak itu adalah terletak kepada PETRONAS. Semua kontrak yang melebihi daripada \$50,000 adalah diberi dengan persetujuan PETRONAS, hanya kontrak-kontrak yang kurang daripada \$50,000 akan diberi oleh syarikat-syarikat minyak ataupun oleh kontraktor-kontraktor seperti EPMI dan Shell, kepada kontraktor-kontraktor pilihan mereka sendiri.

Yang keduanya, oleh kerana EPMI ini adalah merupakan syarikat yang telah melaburkan banyak wang untuk mencari minyak di tanahair kita, mereka adalah berhak untuk mengendalikan pengurusan kewangan mereka. Oleh hal yang demikian cara-cara untuk mengambil ataupun memberi rekomendasi bagi tiap-tiap kontraktor yang mereka ambil itu terpulanglah kepada EPMI. Tetapi perlu dinyatakan di sini bahawa semua kontraktor yang akan mengambil bahagian dalam satu-satu kontrak itu adalah dengan persetujuan terlebih dahulu oleh pihak PETRONAS. Mereka mestilah mendaftarkan dengan pihak PETRONAS dan sesudah itu sebelum pemberian kontrak ini EPMI ataupun Shell terpaksa juga membawa semua senarai yang telah direkomen itu kepada pihak PETRONAS dan pihak PETRONAS akan menentukan sama ada ianya

bersetuju dengan rekomendasi yang diberi oleh pihak EPMI ataupun Shell. Jadi, saranan yang telah diberi oleh Yang Berhormat itu adalah salah. Saya berharap bahawa jawapan pada hari ini telah memperbetulkan keadaan yang sebenar.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sedikit sahaja, iaitu apakah jenis-jenis kerja kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera ini?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, banyak jenis yang telah kita berikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Kalau diberi senarainya memang panjang. Untuk memberi jawapan yang tepat dan terperinci, saya mohon kalau boleh diberi jawapan secara bertulis. Tetapi untuk pengetahuan, kontrak-kontrak yang kita beri kepada bumiputera ialah semua kontrak yang merupakan sampingan iaitu untuk dijalankan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera dengan sepenuhnya dan kita telah juga membuat satu syarat iaitu kesemua syarikat yang kita anggap ataupun 'classify' sebagai syarikat bumiputera adalah mereka yang mana mempunyai sekurang-kurangnya 51% daripada ekuitinya adalah dipunyai oleh bumiputera.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, ini tambahan kepada soalan tambahan saya tadi. Mungkin lebih khusus saya katakan jenis kerja-kerja kontrak yang diberikan ini adakah melebihi pada kerja-kerja huluan ataupun lebih pada hiliran?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya hiliran kerana huluan itu adalah memerlukan modal yang terlampau banyak dan memerlukan kemahiran yang begitu susah bagi orang-orang kita sendiri untuk memperbuatkannya. Tetapi kadang-kadang juga sebahagian daripada aktiviti-aktiviti huluan ini kita telah berikan

kepada bumiputera yang bekerjasama dengan kawan-kawan mereka daripada syarikat asing iaitu kerjasama di antara konsortium bumiputera iaitu kerjasama di antara konsortium bumiputera dan syarikat-syarikat asing. Kita telahpun membuat satu dasar supaya syarikat-syarikat asing ini akan mengambil kira "local content" iaitu participation daripada pengusaha-pengusaha bumiputera supaya orang-orang kita ini akan mengetahui dengan lebih teliti lagi mengenai industri petroleum di negara kita.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, di antara kontrak-kontrak PETRONAS yang telah diberikan kepada kontraktor bumiputera, berapa peratuskah kalau ada di antara kontrak-kontrak itu tidak dapat dijalankan? Kalau ada, apakah sebab-sebabnya tidak dapat dijalankan oleh kontraktor-kontraktor yang asal diberikan kontrak itu?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan angka iaitu dalam tahun 1980 dan 1987, kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor bumiputera dalam tahun 1980 adalah bernilai lebih kurang \$402 juta, tetapi nilai yang telah diberikan pada tahun 1987 telah meningkat kepada \$1,33.54 juta. Jadi, kalau kita lihat angka ini sudah nyata bahawa telah meningkat peratusan participation bumiputera dalam industri petroleum. Semua kerja-kerja yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera ataupun kontraktor-kontraktor Malaysia akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan, tetapi kerja-kerja yang tidak boleh dilakukan ataupun dijalankan oleh syarikat-syarikat bumiputera akan diberi kepada syarikat-syarikat asing. Semua kerja-kerja ini adalah merupakan kerja-kerja yang memerlukan kemahiran yang tinggi, pelaburan yang tinggi dan juga teknologi yang sukar didapati di Malaysia setakat ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah benar desas-desus yang menyatakan bahawa projek-projek hulu ini banyak benar berlaku cerita-cerita 'hulu' atau 'under the table'.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar setakat pengetahuan kita.

CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN SYARIKAT

9. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kewangan menamakan syarikat-syarikat yang telah beruntung daripada penghapusan Cukai Untung Berlebihan.

Timbalan Menteri Kewangan[Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa Cukai Keuntungan Berlebihan Syarikat ataupun Excess Corporate Tax sebanyak 3% hanya dihapuskan mulai Tahun Taksiran 1988, iaitu bagi pendapatan yang diperolehi oleh syarikat bagi tahun 1987. Borang taksiran cukai pendapatan syarikat bagi tahun taksiran 1988 masih lagi diterima oleh jabatan Hasil Dalam Negeri dan sedang di dalam proses untuk ditaksirkan. Oleh itu, adalah terlalu awal untuk mengetahui syarikat-syarikat yang memperolehi faedah atau keuntungan dari penghapusan Cukai Keuntungan Berlebihan ini.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan. Mengenai penghapusan Cukai Keuntungan Berlebihan, berapa banyakkah Kerajaan telah rugi setakat ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada timbul kerugian dari segi hal ini, tetapi istilah yang kita gunakan, jika sekiranya dilaksanakan 100% penghapusan keuntungan berlebihan ini anggaran kehilangan hasil pada tahun 1988 dianggarkan lebih kurang \$145 juta dan kita jangka dalam tahun 1989 \$151 juta dan tahun 1990 \$161 juta.

UDA DAN PKEN - TUGAS DAN PERAHAN

10. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengenal pasti fungsi-fungsi agensi di bawah Kementerian bagi menyelenggarakan perbezaan fungsi seperti UDA dengan PKEN (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) untuk mengelakkan duplikasi tugas-tugas yang dilaksanakan.

Menteri Perusahaan Awam [Dato Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, tugas dan peranan UDA dan PKEN-PKEN sebenarnya adalah berbeza, khususnya di dalam program penyertaan kemudahan ruang-ruang niaga walaupun pada pandangan umum tanya seolah-olah sama di antara satu sama lainnya. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak UDA adalah dipertanggungjawabkan lebih kepada aktiviti-aktiviti untuk pembangunan semula bandar-bandar. Di bawah program ini kebanyakan daripada projek-projek UDA adalah lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, manakala di negeri-negeri lain projek-projeknya tidaklah sebanyak yang dibangunkan di Kuala Lumpur.

Sebaliknya pula PKEN-PKEN selaku agensi pembangunan negeri-negeri sungguhpun terlibat di dalam program penyediaan kemudahan ruang-ruang niaga di dalam bandar, akan tetapi projek-projeknya adalah lebih mirip kepada projek-projek baru dan bukannya pembangunan semula bandar. Di bawah program ini PKEN-PKEN tidak hanya menumpukan pembangunan kepada penyediaan ruang-ruang niaga di dalam bandar sahaja, akan tetapi ianya merangkumi kesemua kawasan di dalam sesuatu negeri berdasarkan kepada keperluan dan permintaan peniaga-peniaga bumiputera. Pembangunan projek-projek di dalam bandar hanyalah merupakan sebahagian sahaja daripada peranannya.

Sekiranya terdapat beberapa buah projek di bandar-bandar tertentu di mana didapati pihak UDA dan PKEN sama-sama membangunkan projek masing-masing, ianya sebenarnya telah dirancang sedemikian rupa dan sememangnya di dalam pengetahuan pihak Kementerian. Ini adalah kerana sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan, pihak Kementerian akan meneliti dan mengkaji secara mendalam objektif dan daya majunya terlebih dahulu dan sekiranya pihak Kementerian berpuas hati dengannya barulah projek-projek berkenaan diperakukan kepada pihak Perbendaharaan untuk diberikan peruntukan. Oleh yang demikian, soal pertindihan tugas adalah tidak timbul memandangkan kedua-dua agensi berkenaan mempunyai tugas dan peranan yang berbeza walaupun objektif yang hendak dicapai adalah sama, iaitu memperbanyakkan kemudahan ruang niaga kepada peniaga-peniaga bumiputera di dalam bandar khususnya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan sedikit. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, saya difahamkan tiap-tiap negeri selain daripada Wilayah Persekutuan sudahpun ditubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menubuhkan badan yang sama di dalam Wilayah Persekutuan?

Yang kedua soalan saya, oleh kerana Yang Berhormat Menteri sendiri menerangkan bahawa projek UDA banyak ditumpukan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan, saya ingin tahu adakah semua projek-projek di bawah UDA di dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri yang bertanggungjawab mengambil tahu secara langsung mahupun dari segi latarbelakang

projek itu ataupun sebagainya kerana saya tidak mahu terdapat perselisihan faham antara pemimpin parti yang mendukung Kerajaan sekarang ini dengan Menteri yang berkenaan kalau sekiranya Menteri sendiri diberikan satu gambaran yang salah di atas projek itu kerana ini berlaku di kawasan saya sendiri.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan pertama, belum lagi dipertimbangkan dan mungkin tidak akan diwujudkan badan ini.

Yang keduanya, kalau sekiranya ada apa-apa perselisihan ataupun salah faham di antara Kementerian saya dengan Yang Berhormat, silalah datang untuk berjumpa dan berunding.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Jadi kalau sudah adapun perjanjian daripada Yang Berhormat Menteri sendiri, masa akan datang saya mintalah kalau ada masalah-masalah yang ditegur oleh pemimpin kawasan itu sendiri kepada Menteri-menteri yang berkenaan, sila panggil kami ke pejabat, jangan bantai balik dalam suratkhobar, ini menimbulkan suasana yang tak baik antara pemimpin dengan Menteri.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum jawab, hendak buat pula soalan tambahan! [Ketawa]

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak payah dijawab, kerana saya pun telah menyatakan tadi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sejak memegang jawatan sebagai Menteri Perusahaan Awam puas hati dengan prestasi PKEN-PKEN keseluruhannya?

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, kita sentiasa perlu memperbaiki keadaan dan tidak sepatutnya kita sentiasa berpuashati. Kita perlu berusaha untuk memperbaiki keadaan.

PEMANDU KERETA - TARAF KEMAHIRAN

11. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan taraf pemandu-pemandu kereta di negara kita, jika tidak, apakah usaha dan tindakan yang akan diambil bagi meningkatkan taraf pemandu di negara kita, sama ada Kementerian menggalakkan penubuhan tapak ujian yang lebih sofistikated.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa kemahiran pemandu-pemandu di negara kita perlu ditingkatkan ke taraf yang lebih tinggi untuk mengurangkan bilangan kemalangan jalanraya. Dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan tersebut dan memperbaiki sikap serta disiplin para pemandu maka Kerajaan adalah mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Mengadakan kempen-kempen keselamatan jalanraya khususnya pada musim-musim perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya.

- (ii) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna jalanraya yang melakukan kesalahan lalulintas;
- (iii) Kerajaan telahpun memperkenalkan sistem KEJARA yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan disiplin pemandu.
- (iv) Memperkenalkan baru-baru ini Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang menitikberatkan kepada sistem pengajaran pemandu moden untuk mengeluarkan pemandu-pemandu yang terlatih dan mahir.

Mengenai penubuhan tapak ujian yang lebih sophisticated, dengan izin, beberapa tapak tanah telah diperolehi untuk membina pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan yang baru, termasuk tapak-tapak ujian yang lebih sophisticated, dengan izin. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program pembinaanya akan dibuat peringkat demi peringkat mengikut peruntukan kewangan dan kemampuan pihak Kerajaan.

kah syarat-syarat untuk sesuatu pihak yang ingin mewujudkan tapak

ujian yang lebih sophisticated? Adakah Kementerian membuka kepada semua pihak untuk manohon ataupun ia akan dimonopoli oleh setengah-setengah pihak, misalannya di negeri Melaka, di mana ada pihak yang memaksa semua murid mesti pergi ke suatu tapak ujian yang sophisticated dengan pungutan bayaran paksaan \$20.00 seorang murid.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tapak ujian yang dikatakan sophisticated, dengan izin, itu tapak ujian adalah dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan tidak dikendalikan oleh individu atau mana-mana institut memandu. Mengenai kes negeri Melaka, oleh kerana tapak ujian yang dipunyai

oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Melaka diambil balik oleh Kerajaan Negeri Melaka, maka terpaksa Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Melaka menggunakan tapak yang ada, yang dipunyai oleh institut dan oleh kerana itu sudah tentulah ada bayaran-bayaran yang dikenakan. Untuk membina tapak ini memang sudah diadakan peruntukan membina bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan yang baru bagi negeri Melaka dan sehingga pembinaan ini siap, maka terpaksa kita menggunakan tapak institut itu seolah-olah seperti kita menyewa tapak tersebut. Saya harap Yang Berhormat tidak salah sangka mengenai perkara ini.

Tuan Ng Peng Ray: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini adalah satu kenyataan yang tidak benar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sebenarnya Kerajaan Negeri tidak berhasrat mengambil balik tempat ujian, tetapi ada pihak yang memaksa pemandu-pemandu dan institut menggunakan tapak swasta itu untuk menjalankan ujian. Oleh itu saya saka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat dengan lebih terperinci sebelum membuat jawapan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tuduhan yang amat berat yang dibuat oleh Yang Berhormat terhadap diri saya dan juga Kementerian Pengangkutan. Apa makluman yang saya keluarkan adalah makluman rasmi yang saya dapat daripada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengadakan, dengan izin, refresher course kepada pemandu-pemandu yang memegang lesen lebih kurang 20 atau 30 tahun kerana dari masa ke semasa ada pindaan dan perubahan kepada undang-undang jalanraya dan orang-orang telah memegang lesen selama lebih-kurang antara 20 hingga 30 tahun mungkin tidak memahani undang-undang baru itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pengangkutan belum bercadang untuk menganjurkan refresher course, dengan izin. Kementerian menganggap bahawa setiap orang yang telah mendapat lesen mestilah sepanjang raasa apabila mereka hendak menggunakan lesen itu sebagai kebenaran untuk memandu, mestilah mengikuti segala pindaan, segala perubahan yang terdapat dalam Highway Code dan juga pindaan-pindaan yang dibuat dari masa ke semasa dalam Akta Pengangkutan Jalan. Bagi mereka yang lesennya telah mati atau luput selepas daripada 3 tahun terpaksa diuji semula kerana kalau sesiapa juga-tidak mempunyai lesen memandu yang sah dianggap bahawa ianya tidak memandu selama tidak mempunyai lesen itu. Oleh kerana itu mereka dikehendaki datang bagi ujian semula.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi sahaja.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan bagi menekankan kesedaran mengutamakan, dengan izin, Code of Ethics, bagi pemandu-pemandu? Sebab pemandu-pemandu hari ini adalah muda dan mereka memandu kenderaan sangat laju. Misalnya, saya memandu kereta saya hari ini dan seorang memandu 80 kilometer sejam di Federal Highway dan knocked- my car, dengan izin, hentam kereta saya dari belakang [Ketawa]. Saya seorang wanita dan semua wanita pun ada merasai masalah ini. Apabila tengok wanita, dia pandu ke sana-sini, ke kanan dan ke kiri. Adakah Kementerian menekankan kesedaran mengutamakan, dengan izin, Code of thics kepada pemandu-pemandu?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Code of Ethics, bahkan Akta, undang-undang, Peraturan dan kaedah-kaedah lalulintas jalanraya sudahpun disediakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sendiripun meluluskan semua peraturan, Akta dan sebagainya .

Begitu juga usaha-usaha tidak berhenti-henti dijalankan oleh pihak Kementerian dengan kempen oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri, selain daripada kempen-kempen mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan , sekolah-sekolah memandu, pengajar-pengajar memandu kereta dan begitu juga sekolah-sekolah memandu, terutamanya institut-institut kemahiran memandu ini mengadakan seminar-seminar dan kursus-kursus untuk murid-murid sekolah menengah, yang kita tahu ramai di antaranya membawa motor ke sekolah dan ada juga curi-curi bawa kenderaan bapanya dan sebagainya. Jadi Majlis Keselamatan Jalanraya juga telahpun menjalankan usaha-usaha menggalakkan tiap-tiap sekolah menubuhkan kelab keselamatan jalanraya untuk melatih anak-anak kita ini dari umur sekecil-kecilnya di sekolah rendah supaya mereka ini akan menjadi pemandu-pemandu yang bertanggungjawab yang berhemat di jalanraya, tidak hanya mementingkan diri sendiri dan tidaklah hentam kereta orang dari belakang, seperti kata Yang Berhormat itu tadi.

DEWAN BANDRAYA KUALA LUMPUR - LEMBAGA PENASIHAT

12. Tuan Tan Chai Ho minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Akta Ibu Kota 1961 akan dipinda agar satu majlis/lembaga yang menyerupai fungsi Majlis Perbandaran dapat ditubuhkan di Kuala Lumpur demi meringankan beban kerja ahli-ahli Parlimen yang sedia ada.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidaklah seperti Majlis-majlis Perbandaran yang lain di negara ini. Kuala Lumpur adalah sebuah bandaraya dan Ibu Kota negara Malaysia di mana berpusatnya segala kegiatan ekonomi, politik, kebudayaan dan pentadbiran negara. Oleh hal yang demikian,

semenjak berkuatkuasanya Akta itu Kota Persekutuan 1960, Lembaga Penasihat Kuala Lumpur yang terdiri daripada 12 orang telah ditubuhkan. Lembaga ini adalah bertanggungjawab untuk menasihati Dato Bandar mengenal apa-apa perkara yang berbubung dengan pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga mengenai apa-apa perkara yang dirujukkan oleh Menteri yang bertanggungjawab. Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur ini telah dapat melaksanakan peranannya dalam memhantu pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur.

Dengan keputusan Kerajaan meletakkan pentadbiran Dewan Bandaraya di bawah Jabatan Perdana Menteri telah dapat meningkatkan pentadbiran Dewan Bandaraya dalam mentadbirkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta yang sedia ada sekarang ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin talu daripada Yang Berhormat, walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk hendak meminda Akta Ibu Kota tetapi oleh kerana keadaan suasana kami penduduk Wilayah ini merasai, terutamanya dari segi fungsi-fungsi Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya yang mana tidak pernah memuaskan hati kepada kami, jadi adakah Yang Berhormat boleh berusaha di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan satu perjumpaan kenal mesra antara pemimpin-pemimpin parti yang mendukung Kerajaan dengan Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya ini supaya kami boleh menasihati mereka supaya mereka betul-betul menjalankan tugas, sebagai penasihat kepada Dewan Bandaraya?

Tuan Othman bin Abdul: Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri pun boleh melakukan ini dengan Datuk Bandar ataupun bolehlah saya berusaha untuk menemukan ahli-ahli Jawatankuasa ini dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengapa Majlis Bandaran ditubuhkan di Labuan?

Soalan tambahan kedua, bagaimana perlantikan ahli-ahli Majlis Bandaran Labuan dibuat?

Soalan tambahan ketiga, sedarkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa dengan adanya perkhidmatan ahli-ahli Majlis Bandaran seperti Kuala Lumpur, Barisan Nasional akan mencapai kemenangan lebih besar atau akan menang semua kerusi dalam pilihanraya umum akan datang?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Labuan, Labuan adalah di bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan, jadi suatu jawatankuasa terpaksa ditubuhkan bagi mengendalikan Majlis Bandaran Labuan itu sendiri.

Bagi soalan yang kedua, perlantikan ahli-ahli Majlis bandaran adalah bergantung kepada pemilihan yang akan dibuat oleh Menteri berkenaan. Jadi, soal ditolak atau tidak diterima itu adalah bergantung kepada Kerajaan bagi menimbangkan perlantikan itu.

Soalan ketiga, bahawa Barisan Nasional akan menang semua kerusi di Wilayah Persekutuan kalau sekiranya dilantik suatu jawatankuasa, ini saya tidak yakin kerana di dalam keadaan lain, di tempat-tempat lain, bandar-bandar yang lain - bandar Seremban misalnya - ada Jawatankuasa Majlis Bandaran tetapi Barisan Nasional kalah juga. Jadi tidak semestinya dan tidak boleh menjamin bahawa kita boleh menang kalau kita melantik jawatankuasa-jawatankuasa seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

PEMBELIAN TIKET MAS DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

13. Dr. Nordin bin Selat minta Menteri Pengangkutan menerangkan kenapa seseorang itu terpaksa mengambil masa yang lama untuk membeli tiket kapalterbang di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bagi pembelian tiket MAS di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, pihak MAS sememangnya memberi perhatian berat bahawa beberapa kaedah yang disediakan tidak menyusahkan orang ramai dan dengaa ini memastikan bahawa seseorang penumpang itu diberi layanan dengan

segera. Mengikut amalan biasa, urusan pembelian tiket di kaunter-kaunter tiket MAS mengambil masa hanya 2-3 minit sahaja. Walau bagaimanapun, semasa waktu kesibukan adakalanya orang ramai terpaksa menunggu dalam barisan selama hingga 5 ataupun 10 minit sebelum dapat dilayani.

Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua 6 kaunter tiket MAS adalah dibuka semasa waktu kesibukan. Suka saya meyakinkan Yang Berhormat bahawa Kementerian Pengangkutan akan terus mengawasi perkara ini dan tindakan yang sewajarnya akan diambil jika perlu bagi tujuan memperbaiki keadaan di waktu-waktu sibuk.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri, kenapakah pesara-pesara masih memerlukan masa yang lama untuk membeli tiket?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pesara-pesara ini diberi diskaun sehingga 50%, maka sudah tentulah keutamaan mesti diberikan kepada orang yang membayar penuh. Namun begitu, sekiranya tempahan dibuat seminggu sebelum, ianya dapat menentukan bahawa seseorang itu boleh mendapat terapat.

Puan Rokiah binti Zainuddin: saya ingin menyambung soalan Yang Berhormat itu tadi iaitu tidakkah boleh kita gunakan keistimewaan ,yang diberi kepada pesara ini bila ada sesuatu kecemasan kerana bila ada kecemasan, peluang keistimewaan ini hendak digunakan oleh pesara, bolehkah atau tidak?

Kedua, saya ingin tahu dapatkah isteri kepada pesara menggunakan keistimewaan ini?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya isteri kepada pesara tidak diberikan keistimewaan kecuali beliau juga adalah pesara atau lebih daripada umur 55 tahun.

Keistimewaan dari segi kecemasan ini bergantung kepada keadaan kecemasan tersebut dan ianya mestilah disahkan dan boleh dipertimbangkan.

MALAYSIA DALAM MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU

14, Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah hasil dairi usaha beliau melobi Negara-negara Anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai penyertaan wakil Malaysia menganggotai Majlis Keselamatan PBB dan untuk merebut jawatan Pengarah bagi Rantau Asia dan Pasitik, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga untuk jawatan Setiausaha Agung Suruhanjaya Ekonomi, Sains dan Kebudayaan bagi Rantau Asia Pasifik (ESCAP).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri sedang meningkatkan kegiatan melobi untuk mendapatkan sokongan terhadap usaha Malaysia mendapatkan tempat di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (MKBB) bagi penggal 1988-1989. Pemilihan akan dibuat semasa Persidangan Agung (General Assembly) yang ke-43 yang akan diadakan mulai bulan September yang akan datang ini. Usaha melobi akan berterusan sehingga peringkat pemilihan dalam bulan September kerana banyak negara-negara yang hanya membuat keputusan mereka pada saat-saat yang terakhir.

Harapan Malaysia menduduki kerusi di PBB adalah baik, berasaskan kepada sokongan-sokongan yang telah diterima dan ramalan sokongan yang dijangka akan diterima semasa pengundian kelak.

Mengenai pencalonan Malaysia bagi jawatan Pengarah Rantau Pasifik Barat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula, usaha-usaha melobi negara-negara ahli WHO Rantau Pasifik Barat telah dipergiatkan. Kebanyakan negara-negara tersebut mengalu-alukan pencalonan kita tetapi memandangkan pengundian akan diadakan pada bulan

September 1988 dan tarikh tersebut masih jauh lagi, maka dengan itu setengah negara-negara tersebut belum lagi menyatakan sokongan mereka secara terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, jawatan di mana Malaysia ingin mengambilalih di Suruhanjaya Ekonomi Sosial bagi Rantau Asia Pasifik (ESCAP) ialah jawatan Setiausaha Eksekutif dan bukannya Setiausaha Agung.

Malaysia masih lagi dalam proses melobi negara-negara ahli kerana Setiausaha Eksekutif ESCAP sekarang ini akan mengosongkan jawatan tersebut hanya pada tanggal 31 Disember 1988 nanti. Buat masa ini kebanyakan daripada negara-negara ahli mengalu-alukan niat Malaysia. Pada peringkat ASEAN pula Malaysia masih lagi melobi bagi mendapatkan sokongannya. Menteri Luar Negeri sendiri telah mengutus surat kepada Menteri Luar Thailand selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN, untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi mendapatkan sokongan tersebut.

INDUSTRI KECIL

15. Cik Norani binti Haji Beluah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyat:akan apakah pihak Kementerian bercadang mendirikan Industri Kecil secara berkumpulan di antara Rancangan-rancangan FELDA di negara ini; dan Industri yang akan didirikan itu hendaklah ada hubung kaitnya dengan jenis pengeluaran hasil di setiap Rancangan FELDA yang menyertai rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memang pada dasarnya mengadakan strategi bagi menggalakkan kesemua agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah yang terdapat dalam Kementerian supaya mewujudkan industri-industri kecil di kawasan di mana agensi-agensi tersebut bertugas. Ini termasuklah agensi seperti FELDA.

Sebagai contoh FELDA telahpun mengadakan industri-industri kecil yang merupakan industri kraftangan dan lain-lain. 3 buah pusat kraftangan ini telahpun diwujudkan iaitu:

- (i) FELDA Trolak, Perak;
- (ii) FELDA Jerangau, Terengganu; dan
- (iii) FELDA Adela, Johor.

Industri-industri kecil ini adalah bertujuan untuk menampung ataupun menjadi pusat untuk mengeluarkan kraftangan yang dapat diusahakan oleh peneroka dan masyarakat rancangan dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti rotan, mengkuang dan jahitan. Hasil daripada perusahaan ini dipasarkan di peringkat rancangan sendiri ataupun disalurkan melalui agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pemasaran Kraftangan, Karyaneka dan lain-lain agensi. Di samping itu FELDA juga merancangkan beberapa perusahaan lain yang menggunakan bahan-bahan tempatan dan juga menggunakan tenaga pekerja yang

terdapat dari kalangan anak-anak peneroka sendiri. Kesemua perusahaan-perusahaan kecil ini memerlukan perancangan dengan teliti serta pemasaran yang perlu diuruskan dengan teratur dan baik. Oleh sebab itu, kajian-kajian perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum mana-mana perusahaan kecil dapat dilaksanakan.

Tujuan perusahaan-perusahaan kecil ini dijalankan adalah di antara lain memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak dan generasi kedua peneroka yang ramai terdapat di rancangan. Di samping itu, memberi peluang kepada peneroka untuk menambahkan lagi pendapatan serta kedudukan ekonomi masyarakat itu sendiri.

PEMBAKARAN MERCUN

16. **Puon Salbiah binti Md. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Menteri Dalam Negeri cuba mengatasi atau lebih mengetatkan kuatkuasa pembakaran MERCUN dalam masa sambutan Hari Raya, Tahu Baru Cina, Hari Deepavali dan lain perayaan yang mana ada membakar mercun dan bunga api, kerana memandangkan banyak harta dan rumah tangga kebakaran dan ramai kanak-kanak dan orang dewasa yang cedera, ada yang kudung tangan, jari dan mencederakan anggota dan ada yang buta mata dan lain-lain. Apa yang diketahui bahawa ada negara jiran tetangga sangat ketat undang-undangnya kerana menjaga keselamatan dan kebersihan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan kecederaan dan kemalangan yang berlaku ketika musim perayaan adalah berpunca daripada letupan meriam buluh atau meriam besi buatan sendiri, bukannya akibat perabakaran mercun. Walau bagaimanapun, Kementerian ini dari masa ke semasa akan mengetatkan syarat-syarat pembakaran mercun sekiranya terdapat banyak berlaku kecederaan.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bagaimana pula tindakan terhadap orang-orang yang bermain meriam buluh ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya laporan diterima oleh pihak Polis dan ia menjejaskan keselamatan awam, maka pihak Polis akan mengambil tindakan.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat tadi, tetapi bukan kerana meriam buluh sahaja.

Di Pulau Pinang baru-baru ini telah berlaku kebakaran 6 buah gerai kerana pembakaran mercun dan seorang daripadanya buta mata, bukan budak-budak tetapi orang tua. Jadi inilah sebabnya saya membuat soalan kerana selain daripada kanak-kanak, orang-orang dewasa pun kena akibat daripada mercun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak cerita-cerita yang kita dengar, tetapi apabila kita siasat, kita dapati bahawa punca kemalangan itu bukan daripada memasang mercun, tetapi daripada menggunakan meriam buluh dan juga meriam besi. Masalahnya ialah memang banyak kejadian-kejadian berlaku, tetapi tidak ada siapa yang ingin membuat laporan secara rasmi kepada pihak Polis sehingga saya minta perangkaan ini dari pihak Polis pagi tadi - tidak ada laporan mengenai pembakaran mercun yang telah dilaporkan oleh pemain-pemain mercun atau keluarga yang bermain mercun.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kurang meriah sesuatu perayaan itu tanpa pembakaran mercun?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kita kena tahu sedikit sejarah mengapakah mercun ini dibenarkan pada tahun lepas. Oleh kerana Kerajaan Sarawak telah memohon secara rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya jangan dibatalkan permainan mercun di Sarawak, dan permohonan itu telah diterima. Jadi kalau sekiranya di Sarawak boleh bermain mercun, tiba-tiba di Sabah dan Semenanjung tidak boleh bermain mercun, kita tidak mahu menunjukkan di mata dunia bahawa Sarawak dalam keadaan yang aman damai, tetapi Semenanjung dan Sabah ketenteramannya tidak terkawal. Dengan sebab itu kita dapati bahawa untuk menjaga imej dan sebagainya, kalau Sarawak boleh dibenarkan juga keadaan di Semenanjung dan Sabah kita lihat dalam keadaan aman dan damai, mengapa pula kita hendak haramkan permainan mercun waktu perayaan dan tidak menjejaskan ketenteraman awam di Semenanjung dan di Sabah.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Soalan tambahan .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan! Ya, satu sahaja sebab masa sudah cukup. Beri peluang orang Sabah, sila sambung.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun Tahun Baru Cina yang lalu duit atau ongkos untuk mercun dianggar lebih kurang \$12 juta. Soalan saya ialah adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa membakar mercun itu serupa juga dengan membakar duit?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita haramkan mercun, orang main juga, wang terbakar juga dan Kerajaan tidak dapat duit apa-apa. Bila kita halalkan orang membakar

mercun dan setelah kita "check" semua import daripada orang yang membawa masuk. mercun kita dapat cukai. Jadi bermakna dari mercun itu dapatlah kita cukai, Kerajaan dapat wang daripada kemasukan mercun ini. Terima kasih. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat
Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.17 hingga 66 adalah

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH REPADA D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dari menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh."
(29hb Mac, 1988).

Tuan Yang di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa hari ini ialah hari akhir bagi Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab mulai pada hari esok. Hari ini kita hanya ada 170 minit lebih kurang sebelum

ditanggungkan. Oleh sebab itu saya merayu kepada semua Ahli-ahli yang hendak mengambil bahagian supaya menyentuh terus dalam ucapan-nya iaitu tajuk-tajuk atau point-point yang berkaitan dengan Ucapan Titah Di-Raja. Dan dengan demikian maka dapatlah kita menjimatkan masa untuk memendekkan ucapan masing-masing, harap mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pada masa ditanggungkan semalan Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee sedang menyampaikan ucapannya dan sekarang saya jemput beliau terus menyambung.

3.39ptg .

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertumbuhan ekonomi, saya mengatakan semalam bahawa untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menyertai dalam kegiatan ekonomi kebangsaan dengan lebih aktif, Kerajaan harus memberikan galakan dan bantuan yang saraa kepada pelabur-pelabur tempatan seperti yang telah diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Di samping itu dari aspek yang lain, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun meyakinkan masyarakat perniagaan baru-baru ini bahawa dalam manberikan kepada masyarakat perniagaan, Kerajaan tidak akan perbezakan antara saudagar bumiputera dan bukan bumiputera. Bantuan kewangan dalam bentuk satu Tabung Pusingan akan disediakan untuk saudagar bumiputera dan bukan bumiputera.

Ini adalah dasar yang betul dan tentu akan menggalakkan dan membantu masyarakat perniagaan serta ekonomi pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan telah menjadi satu sumber wang asing dan pertumbuhan ekonomi. Oleh kerana itu, segala usaha mesti diambil untuk mewujudkan serta meningkatkannya. Setakat ini segala usaha Kerajaan dan agensi-agensi lain yang berkenaan sangat dipuji. Apa yang harus ditekankan ialah bahawa aset yang paling mustahak kepada industri pelancongan kita ialah ciri-ciri berbilang kaum masyarakat kita. Pelancong itu datang ke Malaysia bukan kerana pantai dan gunung kita, Mereka itu datang kerana tarikan masyarakat ethnic yang berbeza dengan kebudayaan-kebudayaan dan cara kehidupan masing-masing. Malaysia adalah satu cosmopolitan orang dan kebudayaan. Oleh kerana itu, segala usaha mesti diambil untuk meraelihara, memaju dan menggalakkan perkembangan semua kebudayaan, adat dan tradisi semua rakyat di negara ini supaya kebudayaan Malaysia itu boleh diperkayakan lagi dan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan akan ditingkatkan lagi.

Berkenaan dengan Kebudayaan Malaysia, banyak masa telah dibazirkan dalam perbincangan dengan kesan-kesan buruk. Usaha-usaha untuk mendefinisikan kebudayaan Malaysia dengan memasukkan atau tidak memasukkan kebudayaan-kebudayaan tertentu, pada pendapat saya, bukan sahaja tidak menguntungkan sesiapa, tetapi sebaliknya telah membawa kesan-kesan buruk kepada perpaduan kebangsaan dan keharmonian. Oleh kerana tindakan-tindakan sedemikian akan mewujudkan persaingan kaum dan iri hati. Kita telah menerima kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Jadi, semua amalan kebudayaan adat dan tradisi semua rakyat dalam negara ini akan secara logiknya menjadi sebahagian daripada kebudayaan

Malaysia. Jadi, kenapa mempertikaikan apa yang harus dimasuki dan apa yang tidak. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ambillah Tarian Singa. Sama ia berasal dari negara Cina, negara India atau negara Indonesia, ia sudah menjadi satu pertunjukan agama dan hiburan yang popular bagi rakyat keturunan Cina di Malaysia. Bagaimana kita boleh menyatakan dengan adilnya bahawa ini bukan sebahagian daripada kebudayaan Malaysia memaadangkan ia telah menjadi akar yang begitu mendalam kehidupan 40% rakyat Malaysia. Badminton dan Bola Sepak juga tidak berasal dari Malaysia, tetapi oleh kerana telah dimainkan begitu luas oleh rakyat kita, maka tidak ada kemungkinan ia terkeluar dari permainan Malaysia.

Berkenaan dengan pelancongan, saya ingin menyentuh tentang beberapa peristiwa yang berlaku di negeri-negeri tertentu di mana telah dilaporkan bahawa pihak berkuasa negeri telah melarang kegunaan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia, dalam papan-papan tanda, gerai perniagaan dan makanan di pesta-pesta yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Pesta-pesta ini diadakan dengan tujuan menggalakkan pelancongan dalam negeri-negeri berkenaan. Ramai pelancong datang dari negara asing dan meceka tidak tahu, tidak faham Bahasa Malaysia. Untuk mencapai tujuan kita dalam penarikan pelancong asing dan tempatan, kita seharusnya menggunakan papan-papan tanda yang mereka boleh memahami. Saya tidak boleh memahami kenapa selain daripada Bahasa Malaysia, bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, Tamil, Tionghoa dan juga Thai, tidak boleh digunakan dalam fungsi-fungsi seperti pesta-pesta dan sebagainya yang bukan rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran Tahun Membaca untuk 1988 adalah sangat bermakna. Kalau rakyat membaca lebih, maka akan mempunyai lebih pengetahuan dan pandangan mereka yang lebih luas. Mereka lebih boleh memikir untuk sendiri dan memutuskan untuk masa hadapan sendiri dengan lebih logik dan rasional. Ini bererti demokrasi akan mempunyai makna yang lebih mustahak kepada rakyat kita. Ini adalah keadaan di dalam negara-negara maju seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat di mana setiap rakyat mendapat tahu banyak hal melalui pembacaan terus menereus.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat, Kerajaan telah membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air paip, elektrik, jalan dan teletun khasnya di kawasaa luar bandar. Tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengemukakan bahawa dalam merancang projek-projek perabangunan, Kerajaan tidak akan membezakan kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan estet-estet. Yang Amat Berhormat juga mengumumkan bahawa peruntukan kewangan akan dibuat untuk memperluaskan serta meningkatkan lagi kampung-kampung baru yang sedia ada yang begitu lama tertinggal daripada arus pembangunan nasional. Dua tahun sudah berlaku dan tidak kita tidak dengar lagi tentang perkara ini. Saya harap Kerajaan akan menyiasat hal ini.

Usaha Kerajaan untuk menanam nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam adalah bertujuan baik. Daripada maklum balas saya, penyebutan perkataan Islam telah menimbulkan perasaan tidak senang hati dalam fikiran mereka yang bukan beragama Islam. Tidak dapat disoalkan bahawa nilai-nilai Islam ini boleh digunakan di seluruh dunia, tetapi nilai-nilai agama lain seperti Buddhist, Christianity, Hindu, Taoist dan sebagainya pun serupa kerana ianya semua mengajar tentang keamanan, perasaan mencintai, keadilan,

kesaksamaan dan sebagainya. Jadi, untuk mengelakkan daripada sebarang salahfaham, adalah lebih baik kalau nilai-nilai ini dinamakan nilai-nilai moral ataupun menggunakan nama yang lebih am.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat memuji Kerajaan di atas usaha mereka untuk menghapuskan ancaman dadah di dalam dan di luar negeri. Untuk mengatasi masalah ini dengan berkesannya, adalah perlu untuk Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap penyeludup, trafficker dan kumpulan yang membiayai kegiatan-kegiatan tadi. Tindakan-tindakan tegas ini mesti termasuk merampas harta benda dan kekayaan mereka yang telah didapati daripada kegiatan dadah. Di samping itu, kita juga mesti merabersihkan masyarakat kita tentang penagih-penagih dadah yang menjadi pengaruh buruk kepada rakyat kita, khasnya belia-belia dalam masyarakat. Penagih-penagih ini juga menjadi penghubung kepada perniagaan dadah. Saya bercadang bahawa semua penagih ini ditempatkan di kawasan-kawasan terpencil dengan keselamatan yang ketat seperti Pulau Jerjak dan pulau-pulau terpencil yang kini diguna untuk raenerapatkan pendatang-pendatang haram. Dengan berbuat demikian, adalah susah untuk trafficker itu menjalankan perniagaan mereka kerana pelanggan-pelanggan ataupun customers, dengan izin, mereka itu sudah diasingkan di tempat-terapat tertentu. Mereka yang telah dipulih itu haruslah dihantar ke satu pusat permilihan untuk satu jangka masa tertentu sebelum mereka di-benar balik menyertai masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia telah menarik perhatian kita kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara serta cara-cara mengatasinya. Kita sangat terhutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia atas pimpinan Baginda dan oleh kerana itu saya ingin menyokong penuh usul untuk mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketujuh. Sekian, terima kasih.

Beberapa Orang Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya berasa susah sedikit di sini. sekaliannya duduk. Saya boleh membeci peluang kepada semua sekali tetapi sekali lagi saya minta pendekkan ucapan. Ya, Yang Berhormat Puan Ainon.

3.51 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin :Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan rasa bertanggungjawab dan ikhlas bangun untuk turut ingin merafakkan sembah dengan rasa syukur menjunjung kasih Kebawah Duli Tuanku kerana Titah Ucapan Kebawah Duli seraasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh bectacikh 7.3.1988 yang lalu.

Sesungguhnya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sangatlah menarik perhatian penuh dengan rasa tanggungjawab, positif dan dinamik serta merangkumi semua aspek yang diperlukan oleh rakyat dan nyatalah Titah Ucapan Di Raja kali ini amat mementingkan hak asasi rakyat dan kepentingan rakyat dan negara. Ianya merangkumi perpaduan, perekonomian, keselamatan, kesihatan, pendidikan, pembangunan dan termasuk juga masalah-masalah negara semasa terutama mengenai masalah najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa terlalu singkat, pengakhiran kepada perbahasan Titah Ucapan Di Raja ini untuk kami, maka saya akan cuba meringkaskan ucapan dan sentuhan saya sedapat mungkin. Saya ingin menyentuh mengenai perpaduan. Sesungguhnya perkataan 'perpaduan' ini telah mempunyai berbagai-bagai takrif di kalangan berbagai-bagai golongan dan juga di kalangan para pemimpin. Ada yang mentafsirkan perpaduan itu mesti mengutamakan apa yang dikehendaki oleh satu-satu golongan atau satu-satu kaum. Ada pula perpaduan itu ditakrifkan sebagai perpaduan juga walaupun mereka itu sebenarnya perosak perpaduan, umpamanya suara-suara yang disuarakan oleh parti-parti Pembangkang terutama DA.P. Kemudian kita juga dengar suara-suara sumbang yang bertopengkan perpaduan di mana mereka telah tidak mahu meagakui kenyataan bahawa Bahasa Malaysia Bahasa Kebangsaan, Agama Islam Agama Kebangsaan, majoriti dalam negara adalah orang-orang bumiputera dan lain-lain perkara yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara, dipersetujui oleh tiga bangsa terbesar yang menjadi warganegara Malaysia, negara yang unik dan majmuk tetapi masih dapat mempertahankan kedamaianannya kerana adanya persefahaman.

Umpamanya, ada suara yang menyatakan beberapa kebudayaan-kebudayaan perlu diterapkan. Mengapa mesti dipertikaikan teras kebudayaan itu kepada teras nasioaal atau teras kepada kebudayaan asal negara ini dari bumiputera. Saya berasa sangat hairan dan saya rasa kebingungan bagaimana kita ingin menyerukan perpaduan sedangkan asas-asas kepada perpaduan itu yang sudahpun dipersetujui, kita pertikaikan juga. Umpamanya, dalam bahasa sahaja, kita lihat negara kita masih gagal menyatupadukan rakyat melalui bahasa. Siapa yang menafikannya? Kita dapati hampir 40% warganegara Malaysia yang

mengakui dirinya warganegara tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia yang fasih.

Saya suka membawa satu gambaran, ada rombongan akrobatik dari negara China (RRC - Republic Rakyat China) berada di tanahair. Terlalu terperanjat saya tiga empat orang dalam kumpulan itu boleh berbahasa Malaysia dengan fasih, bercakap dalam Bahasa Malaysia Baku. Ertinya bahasa yang standard, tetapi ada di antara kita masih teragak-gagak, masih tidak boleh bertutur dengan baik dalam bahasa yang kita akui sebagai bahasa kita atau bahasa negara kita. Kemudian kita pula membawa balik cerita supaya kita dalam perpaduan, dalam mengembangkan pelancongan, dalam kita hendak memajukan negara, bahasa-bahasa lain perlu juga diberi penghormatan, perlu juga diadakan. Jadi ke arah mana kita ingin mewujudkan perpaduan? Adakah kita benar-beuar raengertl perkataan "Perpaduan" yang dikehendaki oleh negara yang bernama Malaysia ini? Kita tidak sekali-kali mahu menjual maruah, konsep dan dasar kehidupan negara kita demi hendak menarik pelancong-pelancong dengan melonggarkan beberapa hak-hak penting yang kita perlu wujudkan demi hendak menubuhkan satu rupa bangsa dengan satu bahasa.

Saya menentang kalau ada ura-ura atau cadangan-cadangan supaya kalau kita ingin mencari kewangan untuk negara, lalu kita longgarkan konsep dan dasar tersendiri negara itu sendiri, kerana ini banyak merupakan rugi daripada untungnya.

Mengenai pelancongan, amat mudah sekali. Kita ada tourist guides, dengan izin, kita ada phamplets, ada risalah-risalah cukup lengkap segala-galanya disediakan untuk para pelancong walau daripada bangsa apa sekalipun. Mereka boleh faham, boleh tahu, boleh sayang. Yang penting dari segi pelancongan ialah memperhebat,

mempergiat,merperbanyakkan usaha-usaha daya tarikan tanpa menjejaskan konsep dan juga hak asasi serta dasar yang ditentukan oleh negara untuk negara yang telah diperturunkan di dalam lagu "Setia" sebagaimana yang kita semua tahu dan mengerti dan sentiasa menyanyikannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelancongan, saya sentuh juga sedikit dalam bidang tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan juga agensi pelancongan kita - TDC. Saya rasa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini perlu diberikan lagi beberapa sokongan moral dan material bagi mereka untuk mengembangkan daya tarikan usaha-usaha perkembangan untuk mengiklankan negara kita ini terutama kepada negara-negara luar, kerana usaha sudah dibuat. Tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, bersungguh-sungguh mereka melakukannya tetapi mereka masih kekurangan beberapa faktor penting dalam daya usaha perkembangan ini - kakitangan, kewangan, menubuhkan ejen-ejen kita di luar negeri. Kemudian. merabuat beberapa usaha-usaha tarikan yang raemerlukan kewangan termasuk untuk mengadakan seminar, pameran, perjumpaan, dialog, menyebarkan sebaran-sebaran am, video dan lain- lainnya di luar negeri. Baiklah Kerajaan memikirkan juga pertambahan nafas kepada Kementerian yang penting yang kita harap dapat memberikan pelaburan baik dan kepulangan hasil untuk negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ekonomi, saya faham telah disentuh banyak oleh sahabat dan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. Saya hanya ingin menyentuh satu faktor sahaja lagi iaitu mengenai rungutan daripada pedagang, pengusaha-pengusaha khususnya bumiputera dalam mendapatkan tender-tender dan projek-projek besar terutamanya yang joint venture, dengan izin, atau yang berbentuk usahasama.

Kita dengar tadi bagaimana Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian, telah menjawab satu soalan yang mengatakan benar bahawa pemindahan teknologi atau kepakaran dalam usaha-sama kepada projek-projek besar negara yang didapati oleh syarikat-syarikat luar negeri yang berjoint-venture, dengan izin, dengan rakyat Malaysia telah tidak begitu jujur melaksanakan tanggungjawab dan syarat-syarat yang dikenakan. Berilah perhatian yang berat kepada perkara berkenaan supaya kita akan dapat kesemua matlamat yang kita ingin iaitu pelaburan asing dan kebijaksanaan pemindahan kepakaran kepada pedagang-pedagang negara kita sendiri. Jangan nantinya kita hanya "untung sekarang, tetapi kita rugi seguni".

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pernah juga kita bersuara mengenai pembahagian rezeki yang adil dalam tender-tender Kerajaan sendiri. Kita pernah mencadangkan supaya tender-tender besar diberi kepada kontraktor-kontraktor atau syarikat-syarikat yang berkumpul atau bersepadu supaya mereka dapat sama-sama menjalankan usaha lebih-lebih lagi dalam keadaan perdagangan, perekonomian negara dalam usahawan atau dalam hal-hal tender-tender yang agak muram atau masih muram lagi - ada dilakukan saya faham, tetapi belum menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru eloklah perkara ini diberi perhatian berat dan diusahakan dan dipertingkatkan kepada pemberian yang adil ini secara bersatu-padu seperti yang dihajatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasihi bahawa rakyat hendaklah diutamakan dan diberikan kemudahan, keadilan yang saksama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ekonomi, saya ingin menentukan sedikit mengenai masalah pengangguran. Kita tahu kita sama-sama sedang mencari ikhtiar dan jalan dan kerajaan sudah berusaha banyak untuk mengatasi masalah pengangguran. Berbagai usaha sampingan, usaha-usaha yang agak konkrit, usaha-usaha yang begitu bersungguh-sungguh telahpun dijalankan.

Saya ingin membawa satu cadangan yang pernah disuarakan oleh salah seorang pemimpin negara iaitu mengapa tidak kita kaji semula mengenai gaji-gaji kepada semua kakitangan-kakitangan sama ada pihak Kerajaan atau swasta iaitu peluang-peluang pekerjaan yang ada di agensi-agensi Kerajaan dan swasta dikurangkan gajinya supaya membolehkan diambil lebih ramai lagi mereka-mereka berkhidmat. Saya berpendapat ada lagi baik kita beri sama rata daripada menimbulkan jurang ada dengan tiada. Jadi kalau dikurangkan mereka yang dulunya gaji pokok katakanlah \$1,000 diturunkan kepada \$600; dan \$400 itu untuk raemberikan peluang kepada penganggur-penganggur lain mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai, selain daripada usaha-usaha galakan-galakan perdagangan, perniagaan, ternakan dan usahanya sendiri dan lain-lain dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan, saya ingin mencadangkan oleh kerana negara sekarang ini di dunia, kalau kita lihat "Dunia Jam 10", kita lihat betapa dunia sekarang sudah bergolak dengan peperangan, permusuhan, pertelagahan, persengkitaan yang menggunakan kekerasan senjata dan lain-lainnya. Betapa sekarang ini di dunia luar manusia sudah mula hilang perhitungan matangnya lalu menjadikan senjata ataupun kekerasan serta keganasan jalan keluar untuk mencapai sesuatu matlamat. Tentunya negara kita

juga akan pada suatu ketika kena imbasan atau bahannya. Baiklah kita memperbaiki dan memperkukuhkan serta memperkuat kekuatan atau keselamatan kita. Maksud saya pertambahan di pasukan keselamatan atau tentera yang menjaga keselamatan negara hendaklah dari sekarang diperkuatkan, dipertambahkan dan diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kesihatan, saya mengucapkan tahniah juga kepada Menteri Kesihatan yang begitu sabar dan banyak memberikan penjelasan kepada soalan dan yang telah banyak dengan kerjasama Kerajaan Malaysia membuat perubahan-perubahan dalam memberikan kesihatan yang wajar kepada warganegara di Malaysia.

Saya ingin menyentuh mengenai satu lagi jenis penyakit yang saya rasa sudah dalam perhatian Kementerian Kesihatan iaitu mengenai penyakit kanser atau barah. Barah ini punya berbagai-bagai jenis. Saya memang tahu ada Persatuan Barah Malaysia diwujudkan di negara kita dan ada juga beberapa pengawalan dan pengawasan dibuat oleh Kementerian Kesihatan mengenai penyakit ini. Tetapi saya baru-baru ini rasa sedikit terkejut apabila mendapati di Hospital Besar Kuala Lumpur tidak ada alat pengesan barah buah dada. Kita terpaksa diarah untuk pergi ke sebuah klinik swasta untuk mengesan sama ada si-pesakit itu ada mempunyai kesan permulaan sakit barah buah dada.

Saya juga berfikir mengapa Kerajaan kita khasnya Kementerian berkenaan tidak mampukah membeli alat pengesan ini ataupun jentera pengesanan bagi penyakit yang didapati boleh dikatakan ada atau banyak juga penularan di negara kita ini khasnya di kalangan wanita-wanita di negara kita. Setiap orang yang ingin mengesan penyakit demikian kalau pergi ke Hospital Besar maka diarah kepada sebuah hospital swasta untuk mengambil X-Raynya dengan bayaran yang agak tinggi.

Saya menyeru eloklah pihak Kementerian Kesihatan selain daripada kita membeli alat pengesan penyakit buah pinggaag, penyakit AIDS juga masukkanlah alat untuk mengesan barah termasuk barah buah dada ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha lain yang juga merupakan satu daripada sumber kewangan negara dalam bidang perekonomian ialah disebutkan juga di sini mengenai masalah perdagangan dalam dunia perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai FINAS di negara kita ini tetapi sedarkah kita semua dan Kerajaan bahawa FINAS sedang nazak dengan beberapa kelemahan dan dengan beberapa kepincangan serta kekurangaa sama ada dari segi peruntukan kewangan, sokongan moral dan juga kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi mereka mengeimbangkan industri perfileman di. negara kita ini. Saya memohon supaya Kerajaan memberi perhatian berat kepada Memorandum FINAS yang telah dikemukakan berkali-kali. Kalau negara kita dalam hal pelancongan ingin menempatkan satu daripada tarikan pelancongan itu ialah lokasi perfileman FINAS, pengeluar-pengeluar filem atau pengusaha-pengusaha filem di negara kita mestilah ditolong dengan seriusnya kerana ianya berhubung kait.

Mengenai TDC, saya rasa baiklah TDC ini diberi perhatian berat dan diletakkan mereka-mereka yang benar-benar pakar dalam bidang tugas untuk urusan TDC itu sendiri kerana terdapat beberapa kelemahan selama ini yang seharusnya kita perbaiki demi untuk kemajuan pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah dadah, sesungguhnya negara kita adalah sebuah negara yang popular dalam perjuangannya menentang najis dadah. Kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi yang disebutkan dalam Titah Ucapan Di-Raja di mana Duli Yang Maha Mulia sendiri mempunyai penuh keyakinan terhadap beliau sebagai pemimpin negara yang berdedikasi dan mementingkan rakyat dan negara dari dirinya iaitu telah dilantik Malaysia menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Anti-Dadah di peringkat antarabangsa.

Kemudian baru-baru ini pula Menteri Luar Negeri kita mewakili negara telah menjadi pengerusi kepada Persidangan Anti Najis Dadah di kalangan negara-negara Islam (OIC) dan kita telah dijemput bersama di dalam satu persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh OIC tidak lama lagi dalam bulan Oktober. Nyata dunia menghormati kita dalam perjuangan kita mengenai kempen anti dadah di negara kita ini. Setiap orang, saya menyeru setiap orang termasuk pemimpin yang ada di Dewan, Senator-senator saya harap memberikan perhatian berat kepada kempen-kempen yang sedang diusahakan ini.

Apa yang sekarang saya ingin sentuh ialah mengenai penagihan dadah di kalangan wanita-wanita di Malaysia. Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah pusat untuk wanita yang terlibat atau terjebak atau menjadi mangsa sang dadah ini. Wanita di Malaysia dikenalpasti seramai 1,272 orang telah terlibat, terjebak hebat dengan pengaruh dadah. Antaranya kalau mengikut kaum ialah, orang Melayu 505 orang, di kalangan orang Tionghua 561 orang dan di kalangan India 150 orang. Jumlahnya 1,272 orang. Baiklah pihak Kerajaan mengadakan sesebuah pusat lagi khas untuk mereka kerana dalam rawatan pemulihan untuk wanita jauh bezanya dengan orang laki-laki. Saya dengan rasa penuh terharu mohon Kerajaan supaya memberikan perhatian serius kerana kalau wanita lebih ramai terlibat di dalam penagihan dadah, maka bahayanya ataupun hasil daripada tindakan buruk ini lebih hebat, lebih dahsyat daripada orang laki-laki sendiri kerana wanita ada senjata sulit di dirinya yang akan menjadi bahan eksploitasi dari penagihan ini.

Kita dengar banyak wanita-wanita diperdagangkan menjadi pelacur-pelacur terhormat, perempuan-perempuan simpanan dengan dukacitanya dan dijadikan bahan perdagangan kerana mereka telah dipengaruhi atau telah dimangsakan melalui najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir sekali saya ingin menyentuh mengenai peribal Al-Arqam di negara kita telah di satu ketika dan hingga ketika ini telah banyak kali isu-isu Al-Aqram ini menjadi satu isu yang controversial atau yang kontrovesi.

Tuan Yang di-Pertua, Al-Aqram yang dipimpin oleh seorang syeikh telah banyak membuat kegiatan-kegiatan yang berunsur dakwah. Sebenarnya dalam usaha-usaha mereka untuk mendidik pengikut-pengikutnya supaya berdisiplin dan taat serta takwa tiadalah kita hendak menafikannya atau tidaklah kita hendak mensia-siakannya. Apa yang kita dukacita sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah penyelewengan yang telah berlaku atau sedang dilakukan oleh pemimpin Al-Aqram yang ada **ini**, yang kita telah dengar dan lihat berkali-kali dipertikaikan di suratkhabar dan juga di media-massa kita di negara kita ini dan juga oleh alim-ulama negara kita ini.

Kita pernah dahulu membawa di Dewan ini supaya meminta Kerajaan, Jabatan Agama Islam meneliti mengenai buku Aurad-Muhamadiyah pegangan Al-Aqram, sebuah buku yang benar-benar toriqatnya menyeleweng daripada akidah Islam sendiri. Kita boleh lihat Utusan Melayu, saya ada fotostatnya di sini, diberikan oleh seorang kawan: bahawa Haji Ashaari bawa terbang ke alam fantasi penuh khayalan bukan ke arah mentakwakan diri kepada Tuhan. Haji Shaari ini, Tuan Yang di-Pertua, telah mengakui bahawa ianya adalah seolah-olah telah mendapat ilham daripada Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. sendiri untuk mengembangkan satu toriqat yang telah disiasat dan dipastikan banyak penyelewengan dari Islam yang sebenar-benarnya.

Kita lihat di sini telah dipaparkan berbagai-bagai dan di dalam Al-Arqam sendiri telah timbul kesedaran lalu ada perpecahan di antara Haji Ashaari ini dengan seorang lain yang bernama Ustaz Mokhtar kerana mereka sudah merasakan bahawa ketua mereka ini sudah terlalu menyeleweng dari akidah Islam. Kemudian timbul lagi beberapa cerita-cerita lain. Di sini kita quote Mingguan Malaysia: "Pelajar Azhar tolak Al-Arqam". Mereka bukan sahaja telah mengembangkan pengaruh toriqatnya yang menyeleweng ini di Malaysia tetapi juga telah menyerap masuk di mana-mana Universiti Islam di negara-negara Timur Tengah.

Kemudian kita juga boleh lihat bagaimana beberapa lagi pertikaian mengenai kesah Al-Aqram yang dibawa, dipengerusi akan diketuai oleh Haji Shaari ini. Setelah beberapa pertikaian ini dipertikaikan maka dengan penuh ikhlas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor telah meminta iaitu, dengan izin, Darul Arqam asked to register itself," dalam The Mew Straits Times 23.3.88. Malangnya, apakah yang dijawab oleh Pengerusi Al-Arqam berkenaan? Times National iaitu bertarikh 24hb Mac, dengan izin.: "Darul Arqam - We don't have to register".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada Akta Society di negara kita ini yang telah diluluskan oleh Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kita lihat di sini "political society" inserted by Act A.515, and deleted by A.557, mengistilahkan bahawa 'registered society' itu adalah bermaksud, "means any society for the time being registered under Section 7. 'Society' includes any club, company, partnership or association of seven or more persons", etc.

Saya tak payah teruskan hujungnya.

Maka mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan 7 orang, sudah beratus-ratus orang. Kenapa kita membiarkan mereka berleluasa membuat kumpulan-kumpulan yang boleh memecahkan perpaduan ummah di negara kita ini, menyesatkan akidah toriqat Islam ini tanpa dikawal?

Saya menyeru supaya pihak Kerajaan kita segera mengambil tindakan. Sekiranya mereka tidak mahu meregister sebagai sebuah persatuan atau pertubuhan, maka ambillah tindakan yang wajar kerana baiknya terlalu sedikit tetapi buruknya terlalu banyak. Al-Arqam yang dipengerusi oleh al-ustaz yang saya sebutkan tadi mengembangkan fahaman bahawa satu ketika Imam Mahadi akan muncul daripada satu keturunan yang dinamakan Syeikh As-Suhaimi. Tidakkah ini satu ajaran yang sesat bagi kita orang-orang Islam dan Agama Islam yang suci?

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa hujah-hujah dan bukti-bukti yang saya bawa di Dewan ini, saya mengharapkan Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas kepada kumpulan ini atau menentukan supaya kumpulan ini berjalan selaras dengan kehendak undang-undang negara, selaras dengan kehendak dan syiar Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mereka ini berkembang, mereka boleh mengedarkan risalah, mengedarkan suratkhbar sendiri, kemudian beberapa kejadian kidnap secara sulit berlaku. Tahu-tahu anak hilang. Rupanya sudah ada dekat Sungai Penchala. Ibu bapa menangis. Tujuh, lapan gadis-gadis daripada institusi tinggi atau daripada sekolah-sekolah tinggi telah dikidnap secara halus dan diindoktrinasikan dengan fahaman dan akidah yang salah ini lalu mereka ini mengamalkan agama Islam dengan satu unsur yang salah dari segi Islam, pendewaan kepada guru. Kalau guru itu buat apa sekali pun

waima beristeri sampai enam atau tujuh tidak jadi kesalahan, sanggup dan rela mengorbankan diri kerana memikirkan guru berkenaan bakal menjadi sahabat atau menjadi petunjuk kepada munculnya Imam Mahadi.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesucian agama Islam di negara kita, saya sekali lagi merayu supaya mereka ini diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua :Yang Berhormat Datuk Haji Nasir.

4.20 ptg .

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menjunjung sembah dan menyokong dengan sepenuhnya Usul Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti Titah Seri Paduka Baginda banyak aspek-aspek yang telah disentuh, di antaranya seperti perpaduan kaum, keselamatan negara, pembangunan ekonomi, program-program pendidikan dan sebagainya.

Dalam hal ini, saya suka menyentuh di dalam hal perpaduan. Kita harus sedar adakah pada masa-masa yang lalu tidak ada perpaduan, mengapa sekarang selalu ditimbulkan masalah-masalah perpaduan ini. Pada saya, perpaduan telah wujud pada masa-masa yang lalu, tetapi pada hemah saya disebabkan setengah daripada pemimpin-pemimpin yang begitu angkuh, kononnya hendak menjadi jaguh kepada kaumnya sendiri maka banyak perkara-perkara yang dipersoalkannya. Kadang-kadang perkara-perkara yang tidak patut dipersoalkan, dipersoalkan atau mengungkit-ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui pada masa-masa yang lalu. Inilah pada hemah saya yang menjadikan perpaduan negara kita terganggu dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, saya merasakan perkara yang utama sekali pemimpin-pemimpin yang ada di dalam negara kita ini, sama ada pemimpin-pemimpin yang besar ataupun pemimpin-pemimpin yang kecil, sama ada perampin-pemimpin pembangkang atau pemimpin-pemimpin parti Kerajaan sendiri mesti berwaspada dan janganlah kita selalu

menimbulkan masalah-masalah secara terbuka. Dan selalu kadang-kadang kebelakangan ini di antara pemimpin-pemimpin yang telah menimbulkan agak perkara kecil pada hemah saya iaitu perlantikan jawatan-jawatan yang tertentu, kononnya perlantikan-perlantikan itu tidak betul dan sebagainya. Apakah ini sengaja kita mahu menimbulkan masalah-masalah atau mahu menjadi jaguh kepada bangsa kita sendiri. Pada saya, kalau ada sebarang masalah yang timbul yang kita harus fikirkan bersama, maka elok kita berunding kepada pihak-pihak yang berkenaan dan kita selesaikan masalah-masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menarik perhatian iaitu pada masa-masa yang lalu agak Pegawai-pegawai Pelajaran di sekolah-sekolah atau sekarang disebut Pegawai-pegawai Pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan agak terdiri daripada orang-orang Melayu yang tidak berkelulusan sekolah Melayu ataupun yang tidak berkelulusan sekolah kebangsaan, iaitu mereka ini sebahagian besar daripadanya yang telah dilantik kepada pegawai-pegawai yang tertentu yang berkelulusan di sekolah Inggeris, tetapi ini diterima oleh masyarakat Melayu pada masa yang lalu. Tetapi mengapa pula sekarang apabila pihak Jabatan Pendidikan mengambil bangsa mereka sendiri raenjadi pegawai-pegawai di sekolah-sekolah, misalannya di sekolah Cina ataupun di sekolah Tamil dipersoalkan. Ini saya rasa adalah satu perkara yang begitu aneh kerana saya telah meneliti dalam masalah perlantikan ini dan telahpun disebut kadang-kadang ada setengah di antara guru-guru yang tertentu mengajar di sekolah jenis kebangsaan yang didatangkan daripada sekolah-sekolah lain dan mengambil perhatian juga berapa lama yang mereka telah bekerja di Jabatan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam masalah ini agak pemimpin-pemimpin yang begini dapat membawa kepada masyarakatnya yang kita berasa tidak senang hati sehingga membawa perkara ini kepada dalam satu perjumpaan terbuka, kadang-kadang kita boleh anggap di dalam perjumpaan yang kita boleh tafsirkan sebagai tunjuk-tunjuk perasaan yang telah diadakaa pada masa yang lalu. Di sini harus kita tanya apakah pemimpin-pemimpin ini benar-benar hendak mengadakan perpaduan ataupun mereka sendiri berkata di mulut hendak mengadakan perpaduan tetapi mereka cuba hendak merobohkan perpaduan apa yang mereka kata.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang menjadikan agak apabila sesuatu perkara itu dipersoalkan, maka ini yang menimbulkan ada di antara masyarakat-masyarakat yang lain seolah-olah mereka telah digugat atau dipersoalkan. Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengadakan satu undang-undang bagi membanteras tunjuk-tunjuk perasaan ataupun perhimpunan-perhimpunan secara terbuka dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh berhubung dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak. Dalam masalah Taman Bimbingan Kanak-kanak ini apa yang kita ketahui ialah dikelolakan oleh Jabatan KEMAS ataupun dikelolakan oleh syarikat-syarikat swasta ataupun oleh orang-orang persendirian atau sebagainya.

Apa yang saya ketahui segala pengurusan, pengambilan guru-guru, sukatan-sukatan pelajaran ataupun penggunaan alat-alat tulis dan sebagainya tidak dapat diselaraskan. Maka dengan ini agak dengan beberapa kumpulan-kumpulan yang tidak sama ini, telah sampai masanya Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya supaya pengurusan kelas-kelas TABIKA ini dapat diambil perhatian dengan sesungguhnya. Saya tidak bercadang untuk mengesyorkan kepada Kerajaan mesti mengambil alih terus kelas TABIKA ini, cuma saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil kira seperti kelas ataupun pelajaran yang telah dikelolakan atas nama kelas TASKA oleh Kementerian yang berkenaan cuma menentukan syarat-syarat pendaftaran guru-guru dan sebagainya. Dengan ini saya mencadangkan supaya kelas-kelas TABIKA yang ada di dalam negara kita ini patut diletakkan di bawah satu unit Jabatan Pendidikan Negeri ataupun Daerah, Apabila kita letakkan Kelas TADIKA ini di bawah jagaan Pendidikan Negeri atau uerati maka permohonan mereka untuk menubuhkan kelas-kelas TABIKA, pengambilan guru-guru, sukatan pelajaran dan masa, Cempat belajar dapat disamakan di antara satu kelas dengan satu kelas yang lain yang agak diambil perhatian oleh Jabatan Pendidikan, dengan tidak secara langsung maka sekiranya kalau pihak Kementerian meagambil perhatian yang sungguh-sungguh kepada kelas TABIKA ini, maka kanak-kanak ini akan melanjutkan pelajarannya di sekolah rendah, agar dapat diselaraskan pelajaran yang telah diterima di dalam kelas TABIKA.

Maka kalau kita mewujudkan ataupun mengambil kira meletakkan satu unit di bawah Jabatan Pendidikan, saya merasakan tidak menimbulkan masalah kewangan, cuma kita mengambil kira sahaja penubuhan kelas, ramai murid dan sebagainya. Sama juga seperti kita

ketahui di pejabat-pejabat pos, misalnya, diberi satu tugas sampingan seperti mengambil bayaran telefon, mengambil bayaran bil elektrik dan sebagainya. Ini kalau dilaksanakan tidaklah menimbulkan beban yang berat kepada Jabatan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai rakan-rakan yang hendak berucap, maka saya pendekkan ucapan saya ini, cuma satu sahaja lagi iaitu berhubung dengan pasukan RELA. Dalam masalah pasukan RELA ini, kita mengetahui mereka adalah satu-satunya daripada unit keselamatan negara yang telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu. Dalam hal ini apa yang saya ketahui, agak penubuhan ini elok dapat diperbaiki dari masa ke semasa, ataupun perlu mengkaji dan melicinkan organisasi ini dengan sebenarnya. Kita menekankan prinsip organisasi ini daripada bawahan kemudian kepada peringkat daerah, selepas itu kepada peringkat negeri, negara dan apakah matlamat yang sebenarnya kita menubuhkan pasukan RELA ini. Saya mengetahui dengan secara tidak langsung, pasukan RELA ini adalah ditubuhkan sebagai mata atau telinga Kerajaan, tetapi hakikat ini perlu dapat kita menekankan, apakah matlamat-matlamat yang kita tambah dari semasa ke semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menubuhkan RELA ini agak dapat kita melaksanakan dengan sewajarnya. Misalnya, kita menubuhkan dalam satu unit ataupun satu kumpulan kecil daripada sebuah kampung, misalnya, 10 orang. Lepas itu kita besarkan kepada kawasan, lepas itu kepada mukim, daerah dan negeri. Apa yang saya ketahui ahli-ahli RELA ini agak mereka terdiri daripada orang-orang dewasa dan anak-anak muda kita yang setengah-setengahnya diberikan latihan tentera. Oleh sebab terdapat pasukan RELA ini terdiri daripada belia-belia kita ataupun beliawanis, maka ini kita

juga perlu memberikan perhatian ke hadapan oleh belia-belia ataupun beliawanis-beliawanis ini daripada mereka menceburkan diri di dalam pasukan RELA ini agar mereka nampak ke hadapan apakah mereka ini di satu masa akan datang diterima untuk memegang jawatan-jawatan yang tertentu. Dengan ini saya mencadangkan ahli-ahli RRLA yang terdiri daripada belia-belia dan beliawanis-beliawanis ini dibertkan latihan yang tertentu yang bermatlamat, supaya kita dapat terapkan mereka ini kepada tentera ataupun kepada Polis. Dengan cara yang demikian, satu di antaranya, apabila mereka diserapkan di dalam tentera ataupun diserapkan di dalam Polis, maka kesenangan bagi pihak tentera dan polis untuk melatih mereka tidak menimbulkan masalah, juga akan menggalakkan kepada belia-belia ini menceburkan dirinya di dalam pasukan RELA dan matlamatnya agak menjadi seerang tentera, polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya jelaskan tadi, setakat inilah yang dapat saya ucapkan di Dewan yang mulia ini dan dengan sepenuhnya saya menyokong usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Mac yang lalu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua :Kita beri peluang kepada Ahli baru Yang Berhormat Dr Ng Khek Kiung.

4.28 ptg.

Dr. Ng Khek Kiung: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli semasa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac, 1988 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ringkas, tetapi ia adalah padat, dinamik dan merangkumi segala aspek dalam hidup masyarakat dan negara kita. Kita sekali lagi diperingatkan dan dititikberatkan atas tanggungjawab kita untuk berusaha dengan lebih tekun ke arah memelihara, membina dan menegakkan sebuah masyarakat dan negara yang berharmoni, stabil, maju dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkembangan di negara kita ini. Dalam beberapa dekad yang kebelakangan ini negara kita banyak mengalami peristiwa-peristiwa, ada yang gembira, ada yang pahit, ada yang memenderitakan dan ada yang membanggakan.

Semua ini merupakan satu hakikat yang perlu dihadapi untuk mewujudkan sebuah negara yang maju dan progresif. Biarlah kita membandingkan perkembangan ini dengan proses perkembangan seorang budak yang meningkat remaja. Proses-proses yang perlu dilaluinya adalah dari segi psikologi, penyesuaian sosiologi, perubahan tingkah-laku dan lain-lain. Ini membolehkan seseorang budak itu membesar menjadi seorang dewasa dan matang dalam pemikirannya. Perkembangan sebuah negara adalah lebih kurang seumpamanya dengan proses-proses perkembangan seorang budak.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku kebelakangan ini seperti kemerosotan ekonomi, masalah perkauman, perubahan dalam masyarakat, ketidakpastian yang dirasakan, semua ini adalah merupakan proses-proses semula jadi yang perlu diatasi untuk membentuk dan mewujudkan sebuah negara yang lebih maju dari segi ekonomi, sains dan teknologi, matang dari segi politik, maju dalam bidang sains; kaya dari segi kebudayaan dan lain-lain.

Sejarah telah membuktikan bahawa negara-negara yang pernah mengalami kesengsaraan, peperangan, kemerosotan ekonomi yang teruk, pemberontakan dan lain-lain telah perabangun semula seperti negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain. Pencapaian tersebut adalah disebabkan terdapatnya kepimpinan yang sesuai dan dinamik. Jenis kepimpinan ini juga terdapat dalam Barisan Nasional kita. Kita yakin bahawa dengan adanya kepimpinan yang berkaliber dan matang ini, negara kita boleh mengatasi masalah-raasalah kini dan mencapai kestabilan dan kemakmuran yang diinginkan. Kita juga yakin bahawa rakyat jelata akan berusaha sama untuk menuju ke arah pencapaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa ahli-ahli politik dan rakyat khasnya bersaing di antara satu sama lain atau tentukan siapa memperolehi apa atau who gets what, dengan izin, adalah disebabkan oleh masalah tersebut. Banyak usaha yang telah dibazirkan. Masalah ini telah mengakibatkan satu syndrome phobia dan perasaan kecemburuan di antara kaum yang mungkin mengakibatkan salah faham di antara kaum. Kadangkala masalah ini telah menjadi terlampau sehingga setiap langkah yang diambil itu diterjemahkan sebaliknya.

Pemikiran jenis ini mesti diubah demi kebaikan negara kita. Tambahan pula usahasama rakyat mesti diadakan untuk bersaing dengan negara lain dari segi ekonomi dan pembangunan dan bukan di antara satu sama lain di negara ini. Saya harap pihak Kerajaan akan melaksanakan dasar-dasar yang sesuai ke arah mencapai objektif tersebut. Ini termasuklah Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Pelajar-pelajar perlu dididik dari mula-mula lagi supaya mereka mempunyai satu sikap yang innovative dan enterprising, dengan izin, untuk menampung keperluan negara dalam usaha pembangunan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Pembangkang seperti DAP dan PAS akan memberi saranan dan cadangan yang positif untuk mencapai objektif tersebut dan bukan asyik mengkritik sahaja. Sebenarnya dalam Dewan Rakyat pihak Pembangkang hanya berlakun sahaja dan menganggapkan Dewan Rakyat yang mulia itu sebagai satu pentas drama sahaja. Saya juga harap ahli-ahli sksfrmik, ahli-ahli profesional, wakil daripada persatuan-persatuan dan lain-lain boleh membantu dengan memberi saranan dan cadangan yang konstruktif dan inovatif untuk mencapai objektif ini.

Akhir kata, selepas tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru yang akan dilancarkan haruslah menuju ke arah pembangunan perindustrian negara kita dan mewujudkan satu era perindustrian baru di negara ini dan bukan semata-mata menitikberatkan ke atas isu-isu perkauman sahaja.

Sekali lagi saya ingin menyokong usul untuk merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:Yang Berhormat Tuan Hassan Harun dipersilakan.

5.46 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai Ahli-ahli Yang Berhormat lain menyampaikan ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada 7hb Mac baru-baru ini.

Sebelum saya teruskan ucapan saya yang sulung ini di dalam Dewan yang mulia ini, izinkan juga saya merakamkan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Kelantan dan Kerajaan Kelantan kerana melantik saya untuk mewakili negeri itu di dalam Dewan yang mulia ini. Di atas perlantikan itu saya berikrar akan berusaha memainkan peranan saya di dalam Dewan ini sedaya upaya yang saya mampu.

Sesudah saya membaca dengan teliti ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang pendek tetapi padat itu, saya dapati ianya penuh dengan pesanan dan nasihat yang mendalam serta berpandangan jauh. Titah Ucapan yang ikhlas itu hendaklah diambil berat oleh semua pihak, khususnya rakyat yang cintakan keamanan dan

kemajuan. Adalah amat menarik dan significant, dengan izin, pada penghujung Titah Tuanku itu Baginda telah menyeru rakyat jelata supaya memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada pucuk pimpinan negara ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Memandangkan perkembangan politik tanahair kebelakangan ini, keyakinan Duli Yang Maha Mulia kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai penuh erti dan implikasi positif kepada suasana politik tanahair pada masa ini.

Dalam masa serba mencabar ini, terutamanya dalam suasana politik, ekonomi dan keselamatan negara kita beransur pulih dan stabil, adalah menjadi kewajipan kita, semua, sama ada dalam Dewan ini atau di luar, untuk menyumbangkan apa sahaja yang terdaya untuk mempercepatkan proses mewujudkan keadaan normal dan dinamik dalam negara kita supaya tenaga kita dapat ditumpukan penuh kepada pembangunan dan kebajikan rakyat.

Apabila dikaji pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, kita akan sedar bahawa beliau telah dan sedang membawa perubahan yang pesat kepada negara kita, sama ada dalam bidang politik ataupun ekonomi. Beliau sedang membawa kita ke arah satu 'vision', satu masa depan yang cemerlang. Beliau mengajak kita menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang benar-benar bebas dan merdeka serta dihormati dan disegani oleh semua dalam masyarakat dunia. Beliau sedang membawa kita untuk bersedia bagi memasuki Abad ke 21. Ke arah itu banyak mesti dan perlu diubah dan disesuaikan terutamanya masalah menjamin persambungan pimpinan negara. Dalam keadaan sekarang ini masalah persambungan pimpinan negara sangatlah penting, pemimpin-pemimpin Pelapis hendaklah didedah kepada pentadbiran negara dengan lebih teliti.

Kita lihat apa yang sedang berlaku di negara jiran kita dalam masalah persambungan pimpinan negara itu. Malaysia dalam menyediakan diri untuk memasuki Abad ke 21, hendaklah disediakan pemimpin-pemimpinnya dengan cukup ilmu dan pendedahan bagi menghadapi segala cabaran zaman yang mencabar itu.

Berhubung dengan ini masalah negara dan pimpinan adalah satu masalah yang saling berkait dengan rapat sekali, terutamanya masalah negara pada masa ini adalah masalah pengurusan. Kalaulah kita andaikan negara ini sebuah syarikat yang besar sudah tentu masalah pengurusannya amatlah penting kepada kejayaan masa depan.

Kejayaan negara-negara yang sedang membangun lain terutama sekali Negara-negara Perindustrian Baru (N.I.C.) seperti Korea,

Taiwan, Hong Kong dan Singapura, negara-negara ini dapat menikmati kejayaan yang begitu hebat dan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat menyebabkan negara-negara Barat menganggap negara-negara di pinggir Lautan Pasifik ini sebagai negara-negara yang mesti menjadi tumpuan kepada Kurun ke 21. Malaysia tidak boleh ketinggalan dalam perkembangan ini, Malaysia hendaklah bersama-sama negara ini.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini di Kuala Lumpur, beliau telah mencerminkan dan membayangkan betapa perlunya Malaysia menyertai negara-negara ini dalam segala aspek penghidupan supaya Malaysia akan tidak ketinggalan. Dalam persoalan ini pertumbuhan ekonomi kita pada tahun sudah sepertimana dalam Titah Ucapan Tuanku telah menyatakan bahawasanya pertumbuhan telah hampir pulih balik. Sekurang-kurangnya pada tahun 1987. Pertumbuhan ekonomi kita ialah 4.7% dan pada hari ini kita dapat membaca dalam akhbar-akhbar yang meramalkan bahawasanya pertumbuhan ekonomi negara kita akan meningkat sekurang-kurangnya 5%. Syukur Alhamdulillah kita berharap pertumbuhan ini akan terus dapat dikekalkan dan dipertingkatkan, tetapi usaha untuk mempertingkatkan ekonomi ini perlulah dirancang betul-betul terutamanya dari segi pengurusan yang saya sebutkan tadi. Dalam Titah Ucapan Tuanku ada menyebut masalah-masalah berkaitan dengan akhlak dan ethics.

Akhir-akhir ini kita dapati banyak masalah negara yang kita alami berpunca daripada ketidakjujuran, masalah amanah, masalah penyalahgunaan kuasa dan pada umumnya masalah-masalah akhlak yang

menyebabkan negara kita menjadi tanda tanya di dalam pengurusan boleh dikatakan hampir semua bidang. Dalam persoalan ini saya ingin menyarankan bahawa kita perlu mengambil berat dalam melatih pemimpin-pemimpin negara dalam semua bidang, sama ada dalam bidang politik ataupun bidang ekonomi.

Dalam bidang ekonomi misalnya terutama sekali berhubung dengan penyertaan bumiputera. Kita dapat dalam keadaan ekonomi meleset sekarang ini banyak firma-firma bumiputera tidak mampu dan tidak boleh berdiri teguh menghadapi cabaran keadaan ekonomi yang meleset. Apakah sebab-sebab mereka tidak dapat menghadapi masalah-masalah berkaitan dengan kemelesetan ekonomi ini. Sudah tentu ada sesuatu di antaranya ialah kerana kepincangan dalam masalah pengurusan. Dalam persoalan ini apakah kita harus teruskan menedahkan kaum bumiputera dalam dunia perniagaan secara 'trial and error', dengan izin ataupun kita melatihkan mereka dengan cara terperinci dan tersusun lagi. Siapakah sebenarnya bertanggungjawab untuk melatih mereka ini dengan tersusun dan rapi di negara ini.

Kita dapati berbagai badan melatih bumiputera untuk menyertai dalam bidang-bidang perniagaan. Institusi-institusi Pengajian Tinggi telah melatih tetapi latihan yang diberi ini tidaklah sebegitu menyebabkan mereka yang melibatkan diri dalam bidang ekonomi tidak dapat menghasilkan cita-cita bangsa itu. Dalam persoalan ini di peringkat pengurusan tinggi misalnya Institusi-institusi Pengajian Tinggi kita seperti universiti-universiti tempatan tidak mengadakan Kursus-kursus Pengurusan untuk mereka yang sedang bekerja

dengan secara meluas kecuali beberapa institusi-institusi swasta yang mengadakan peluang-peluang ini, yang ada di universiti-universiti kita sekarang adalah latihan dan pendedahan yang boleh dikatakan tidak mencukupi bagi menghadapi perkembangan ekonomi kita yang pesat ini. Masalah ini menjadi lebih sulit apabila akhir-akhir ini bidang perniagaan ini disertai pula oleh anak-anak bangsa kita yang mendapat didikan semata-mata dalam Bahasa Malaysia, Mereka ini tidak dapat menyambung ilmu mereka dalam bidang perniagaan khususnya dalam Bahasa Malaysia dengan secara meluas sebab di peringkat tinggi tidak cukup peluang-peluang seperti itu, bukan sahaja tidak cukup peluang-peluangnya, bahkan tidak ada langsung misalnya mengenai pengurusan-pengurusan berkaitan dengan masalah-masalah perniagaan yang lebih sophisticated. Oleh itu saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mengkaji keperluan negara dari segi pengurusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dengan keadaan ekonomi meleset baru-baru ini, kita juga dapati masalah-masalah yang dialami oleh negeri-negeri yang kurang maju. Pada hari semalam, kita telah mendengar rayuan Wakil dari Sabah mengharapkan Kerajaan Persekutuan merancang perkembangan ekonomi sedemikian rupa supaya Sabah dan Sarawak mendapat peluang bersama-sama di dalam mainstream ekonomi negara. Di Semenanjung pun masalah yang sama masih timbul. Negeri Kelantan yang merupakan sebuah negeri yang termiskin di Semenanjung Malaysia ini masih jauh kebelakang kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Kelantan, walaupun dalam Malaysia sejak 31hb Ogos, 1957, tetapi sebenarnya Negeri Kelantan mendapat kemerdekaan hanya pada tahun 1978. Sebelum daripada itu kita di-jajah oleh sebuah parti politik Pembangkang yang tidak berusaha langsung untuk membangunkan negeri itu. Dan 18 tahun kebelakangan ini merupakan tahun-tahun yang amat gelap bagi Negeri Kelantan menyebabkan Kelantan jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Oleh kerana itu, tumpuan hendaklah diberi kepada Negeri Kelantan. Dalam perancangan Kerajaan, dalam pelan induk parindustrian Malaysia, negeri Pantai Timur tidak dimasukkan di dalam mainstream perindustrian, dimasukkan apa yang dikatakan dalam mini-corridor di mana hanya aktiviti-aktiviti ekonomi pinggiran sahaja yang akan dapat dinikmati. Jadi, memandangkan tumpuan yang tidak sebegitu kepada negeri-negeri ini, khususnya negeri Kelantan, saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan akan sekali lagi mengkaji strategi pembangunan negara supaya negeri yang tertinggal ini akan dapat diletak atas landasan sama dengan negeri-negeri lain.

Negeri Kelantan mempunyai rakyat seramai 1,050,000 pada hari ini. Sembilanpuluh tiga peratus daripadanya ialah bumiputera. Dan dalam keadaan kemelesetan ekonomi kini walaupun seluruh negara mengalami pemulihan ekonomi tetapi pemulihan itu adalah pemulihan berkelompok sahaja, tertumpu kepada wllayah-wilayah tertentu sahaja, terutamanya di sebelah Selatan Negeri Johor, di tengah Lembah Kelang dan di sebelah Utara di Pulau Pinang. Dan pertumbuhan yang kita alami masa ini adalah pertumbuhan yang tidak sama rata. Jadi, dalam keadaan ekonomi kini, kalaulah kita pergi ke Kelantan, kita dapati dalam Bandar Kota Bharu, kalau pada dahulunya rumah kedai penuh disewa, sekarang tingkat bawah, ground floor, dengan izin, pun tidak dapat disewakaa, menunjukkan betapa lembabnya ekonomi negeri itu. Dan kalaulah kadar pengangguran di seluruh Semenanjung dalam lingkungan 9%, saya rasa Negeri Kelantan mengalami lebih tinggi lagi peratus penganggurannya. Sebab itulah pada hari ini dalam masa yang singkat ini, saya menyeru kepada pemimpin negara mengambil perhatian kepada Negeri Kelantan yang selama ini ketinggalan.

Sebagai mengakhiri ucapan yang pertama ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menyatakan bahawa negara kita masa kini sedang mengalami berbagai cabaran perpaduan. Sepertimana yang diserukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah diambil berat. Janganlah sekali-kalinya di antara kita memikirkan masalah ini masalah enteng, sebab masalah masa depan bangsa. Genarasi masa depan bergantung kepada apa yang kita lakukan pada masa ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yaag lain dalam Dewan yang mulia ini menyokong Usul Ucapan Menjunjung Kasih pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Ucapan Titah Baginda pada 7hb Mac, baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Abang Haji Ahmad Urai]: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

5.05 ptg.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul untuk mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac, 1988 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pebahasan yang telah bermula pada hari Isnin yang lalu, kita telah dapat mendengar berbagai isu dan masalah yang bercorak politik, ekonomi, perundangan, pendidikan, keselamatan, perpaduan negara dan sebagainya. Pada hari yang bahagia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh hanya satu perkara di bawah tajuk Kebajikan Masyarakat untuk renungan kita bersama. Saya tidak akan menyentuh perkara ini secara menyeluruh, bahkan saya akan menghadkan kepada satu golongan kecil masyarakat yang hampir dilupai oleh negara kita. Mereka ini adalah terdiri daripada satu golongan kecil yang telah mengorbankan diri, demi mempertahankan dan memelihara keamanan negara. Golongan yang saya maksudkan ini adalah terdiri daripada bekas-bekas perajurit tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, jalan yang ditempuhi oleh bekas perajurit sebaik sahaja mereka menanggalkan pakaian seragam dan menjalani hidup sebagai orang awam adalah ibarat sungai menuju ke kuala, penuh

liku dan lumpur. Masalah demi masalah datang menimpa. Nasib mereka tidak sebaik orang lain yang berkecimpungan dalam profession berlainan. Kepulangan mereka ke dunia orang awam tidak pernah dihiraukan, ibarat melukut di tepi gantang ada tidak menambah, tiada pun tidak mengurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah menjadi keinginan seorang perajurit supaya kepulangannya disambut secara besar-besaran, sekali-kali tidak. Apa yang menyinggung perasaan kecil mereka ialah seorang bekas perajurit tldak langsung' mendapat tempat di tengah masyarakat. Ini berbanding dengan lain profession yang sentiasa diberi keutamaan. Seorang guru misalnya, walaupun telah bersara, hormat masyarakat padanya masih ada dan pendapatnya diutamakan. Tetapi seorang perajurit dianggap sebagai titisan embun yang akan kering apabila matahari muncul, sedangkan pengorbanannya yang telah dibuat dan diberikan kepada masyarakat tidak bernilai harganya serta tiada bandingannya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit bukanlah masalah baru. Masalah ini telah diwarisi sejak bertahun-tahun. Walaupun bekas perajurit ini mempunyai persatuan sendiri untuk membela nasib mereka, sejauh manakah yang dapat dilakukan oleh persatuan memandangkan bidangkuasa persatuan yang terbatas dan kecil, Masalah-masalah ini masih dipandang sepi walaupun telah berulang kali disuarakan. Contohnya, masalah kenaikan pencen bekas Tentera British. Masalah yang dihadapi oleh pesara-pesara

Tentera British ini telah wujud semenjak merdeka dahulu, tetapi ianya tidak dapat diatasi. Oleh sebab ianya tidak dapat diatasi maka bekas-bekas perajurit ini telah merayu kepada Kerajaan untuk campur tangan. Permintaan ini adalah permintaan munasabah. Ini adalah disebabkan bahawa pada tahun 1957, satu persetujuan telah dicapai di antara Kerajaan United Kingdom dengan Kerajaan Persekutuan di mana di dalam persetujuan tersebut Kerajaan Persekutuan telah memberi kebenaran kepada Kerajaan United Kingdom untuk mengambil rakyat Malaysia berkhidmat di dalam Tentera British tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang ditetapkan.

Salah satu daripada syarat-syaratnya ialah soal pencen dan di sini izinkan saya baca petikan yang berbunyi:

"In particular, the United Kingdom Government accepts in principle that injury and retirement pensions payable to such Federation subjects shall be in accordance with the scales obtaining for the Federation Armed Forces".

Ini bermakna bahawa sebarang kemudahan yang dinikmati oleh Angkatan Tentera Malaysia akan juga dinikmati oleh anak-anak watan yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera British. Bagaimanapun, bagi pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia yang menamatkan perkhidmatan pada ataupun 1hb Januari, 1976, telah menikmati kenaikan pencen mereka mengikut keputusan Laporan Jawatankuasa Kabinet. Perkara ini berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Sungguhpun begitu, pesara-pesara dari Tentera British hanya mendapat kenaikan sebanyak 16% sahaja yang diluluskan oleh Kerajaan British pada tahun 1983.

Ingin saya menerangkan bahawa pada masa ini pencen bekas-bekas perajurit yang berkenaan adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan pencen yang diberi kepada bekas-bekas perajurit Angkatan Tentera Malaysia. Maka itulah sebabnya mereka itu merayu kepada Kerajaan untuk berunding dengan Kerajaan British.

Di sini ingin saya mengambil perhatian Dewan mengenai pertanyaan saya mengenai perkara ini pada 28hb Mac yang lalu. Soalan saya kepada Jabatan Perdana Menteri berbunyi demikian:

"Nyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kenaikan pencen pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang menerima pencen yang lebih rendah daripada pencen yang diterima oleh pesara Angkatan Tentera Malaysia"

Jawapan yang diberi, seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, ialah seperti berikut:

"Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kenaikan pencen bagi pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia kerana sebab-sebab berikut:

- (i) pesara-pesara tersebut dilindungi oleh undang—undang dan peraturan-peraturan pencen Kerajaan British dan oleh yang demikian, tidaklah wajar untuk Kerajaan Malaysia campur tangan dalam hal ini

Jawapan yang diberi oleh pihak berkenaan adalah menghampakan. Pada pendapat saya soal undang-undang dan peraturan-peraturan pencen Kerajaan British tidak timbul. Apa yang nyata ialah bahawa Kerajaan British telah gagal mematuhi persetujuan yang telah dibuat pada tahun 1957 itu. Oleh yang demikian, maka adalah kewajipan Kerajaan Malaysia untuk membela nasib rakyat Malaysia yang malang itu.

Tuan Yang di-Pertua, bekas-bekas anggota Tentera British ini bukan sahaja menghadapi masalah pencen yang lebih rendah tetapi mereka juga menghadapi masalah pengiktirafan bagi perkhidmatan yang mereka berikan dalam tentera dahulu. Pada masa ini terdapat ramai bekas-bekas anggota Tentera British yang telah diserapkan semula bertugas dengan berbagai-bagai jabatan perkhidmatan awam serta agensi-agensinya. Walau bagaimanapun, jumlah perkhidmatan anak-anak watan ini di dalam Tentera British telah tidak diiktiraf oleh jabatan berkenaan sebagai jumlah perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan dan maksud pengiraan pencen apabila mereka menamatkan perkhidmatan dengan JPA. Ini bermakna seorang bekas anggota Tentera British terpaksa berkhidmat dengan perkhidmatan awam selama

10 tahun dan telah disahkan dalam jawatan," barulah ia dimasukkan dalam perkiraan pencen, Alangkah ruginya mereka ini seandainya sebelum ini mereka telahpun berkhidmat lebih daripada 21 tahun dalam perkhidmatan Tentera British. Di dalam hati timbul pertanyaan, di manakah silapnya sehingga perkhidmatan mereka tidak diiktiraf sedangkan latihan dan perkhidmatan dari segi ketenteraan yang telah mereka jalani adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka dikenali sebagai Tentera British, mereka bukanlah berkhidmat dan berjuang untuk United Kingdom. Sebaliknya mereka ditempatkan di merata tempat di Malaysia. Mereka juga turut sama mempertahankan negara dari ancaman musuh. Mengapakah sikap menganaktirikan ini masih wujud sedangkan mereka juga warganegara Malaysia dan mempertahankan negara sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mendukacitakan lagi ialah bukan hanya bekas anggota Tentera British sahaja mengalami masalah pengiktirafan ini. Bekas anggota Tentera Malaysia juga mengalami masalah yang sama. Contoh yang paling baik ialah masalah pengiktirafan ketukangan yang dimiliki oleh perajurit-perajurit. Kemahiran perajurit-perajurit di dalam satu bidang memanglah tidak sukar untuk diragui kerana mereka telah dilatih oleh pakar-pakar serta diberikan latihan secukupnya. Malangnya kemahiran ini masih diragui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, malah pihak JPA enggan langsung mengiktiraf kemahiran mereka. Ini menyebabkan bekas-bekas perajurit ini tidak dapat menggunakan kepakaran mereka berlaku pembaziran. Mengapakah JPA masih meragui kepakaran ketukangan bekas-bekas perajurit? Adalah selama ini tentera-tentera dianggap hanya pandai memegang senapang dan memburu musuh sahaja? Begitu rendahkah pandangan masyarakat terhadap kebolehan seseorang perajurit?

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengembang dan memajukan Malaysia dalam berbagai bidang, Kerajaan telah mengadakan berbagai bantuan dan membantu pihak-pihak tertentu di dalam beberapa kegiatan. Misalnya, Kerajaan telah mengadakan peruntukan yang tertentu kepada berbagai-bagai pertubuhan seperti Persatuan Nelayan, Pertubuhan Belia dan sebagainya untuk membantu ahli-ahli di dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut berkecimpung di dalam bidang-bidang perniagaan.

Tetapi dukacita kerana bekas-bekas perajurit diabaikan terus dalam hal ini. Tiada ada bantuan, tiada ada galakan. Agaknya jika bekas-bekas perajurit yang terdahulunya tidak mengambil inisiatif untuk menubuhkan Persatuan Bekas Perajurit tiada siapa yang akan mengambil tahu nasib bekas-bekas perajurit. Mereka akan dibiarkan seperti daun kering di tepi jalan, tiada siapa yang ambil peduli.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga memberikan berbagai anugerah, beberapa pingat dan wang sagu hati kepada ahli-ahli sukan yang telah berjaya mengharumkan nama negara di dalam bidang masing-masing, Mereka ini digelar sebagai pahlawan negara yang telah berbakti kepada bangsa dan negara. Bagaimana pula dengan perajurit-perajurit yang tidak kurang besar jasanya.

Memang benar, ada di antara mereka ini telahpun dikurniakan bintang-bintang seperti Bintang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Pingat Gagah Berani (PGB). Tetapi alangkah lebih baik jika penerima pingat-pingat ini dikurniakan imbuhan yang melibatkan wang tunai setimpal dengan pengorbanan mereka terhadap negara ini ataupun sekeping tanah. Bukankah ini lebih bermakna dan berguna bagi jangka masa panjang. Lagi pun kebanyakan daripada penerima pingat-pingat ini telah mengalami kecacatan. Sebab itu jika imbuhan yang disebutkan tadi diberi tentu ia akan mendatangkan faedah yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada di antara pihak-pihak berkenaan yang memikirkan bahawa bekas-bekas perajurit hanya tahu meminta dan tidak tahu berdikari serta tidak memahami masalah yang

dihadapi oleh Kerajaan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Bekas perajurit bukannya tidak faham akan masalah ini, malah telah terlalu arif. Sebab itu ramai di antara mereka cuba untuk berdikari sama ada secara besar-besaran ataupun kecil-kecilan. Ada yang menceburkan diri di bidang pertanian, pertukangan, perniagaan dan ada pula terlibat di dalam bidang pembinaan. Semua ini dilakukan adalah untuk meringankan beban Kerajaan di samping membantu memulihkan ekonomi negara dengan seberapa segera.

Sayang seribu kali sayang usaha murni mereka ini kurang mendapat sambutan dan galakan sama ada daripada swasta mahupun daripada Kerajaan sendiri. Kementerian Pertahanan sendiri misalnya tidak pernah memberi keutamaan untuk kerja-kerja kontrak, perbekalan dan perkhidmatan di kem-kem angkatan tentera kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bekas-bekas perajurit ataupun kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Bagaimanakah orang lain dapat mempercayai kebolehan bekas-bekas perajurit seandainya Kementerian Pertahanan sendiri tidak begitu yakin. Apakah Kementerian Pertahanan merasakan bahawa sebaik sahaja seseorang bekas perajurit itu melepaskan jawatannya Kementerian sudah tidak bertanggungjawab langsung terhadap apa yang terjadi terhadap perajurit yang berkenaan.

Alangkah sedih dan malangnya nasib bekas perajurit jika majikannya pada suatu masa dahulu bersikap begitu. Sepatutnya Kementerian Pertahanan memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat bekas perajurit supaya ianya dapat menimbulkan keyakinan di hati pihak lain tentang kebolehan bekas-bekas perajurit, Sikap yang ditunjukkan oleh Kementerian Pertahanan ini boleh diibaratkan sebagai "kacang lupakan kulit."

Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit merasa amat berkecil hati dan bertanya-tanya mengapakah setelah meninggalkan bidang ketenteraan mereka tidak dibenarkan menggunakan kemudahan yang pernah mereka nikmati semasa berkhidmat, misalnya membeli-belah di kedai-kedai PERNAMA ataupun NAFI pada masa dahulu. Mengapakah keistimewaan ditarik dengan serta-merta sebaik sahaja mereka bersara? Apakah pihak pengurusan PERNAMA lupa bahawa bekas-bekas perajurit juga merupakan orang-orang yang telah menolong menaikkan dan memajukan PERNAMA? Saya percaya tanpa sokongan bekas-bekas perajurit semasa mereka masih lagi berkhidmat dahulu mungkin kedai PERNAMA sudah tidak wujud lagi. Lagi pun tidak pernah terfikirakah pihak pengurusan bahawa PERNAMA akan mendapat lebih keuntungan seandainya dibenarkan bekas-bekas perajurit menggunakan kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah terus datang menimpa. Belum selesai masalah lama timbul pula masalah baru. Bekas perajurit merasa amat besar hati dan berbangga apabila Kementerian Pertahanan menubuhkan satu unit dikenali sebagai Bahagian Hal-Ehwal Bekas Perajurit di dalam tahun 1972. Hasrat murni Kementerian ini membantu bekas perajurit sangat dihargai dan diterima dengan tangan terbuka. Sayangnya, Bahagian Hal-Ehwal Bekas Perajurit sendiri menimbulkan masalah kepada bekas-bekas perajurit. Ini adalah kerana hampir keseluruhannya kakitangan yang mentadbirkan bahagian ini adalah orang-orang awam yang tidak mempunyai pengalaman ketenteraan. Bukankah lebih baik dan berkesan sekiranya bekas-bekas perajurit sendiri yang mentadbirkan bahagian tersebut? Ini adalah kerana mereka lebih arif tentang masalah yang dihadapi oleh rakan-rakan seperjuangannya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ketika ini Kerajaan Persekutuan tidak memberi apa-apa bantuan kewangan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Walhal persatuan tersebut membelanjakan sebanyak \$1 juta pada tiap-tiap tahun untuk kebajikan bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka.

Berhubung dengan perkara ini ingin saya bawa perhatian Dewan bahawa pada 28hb Mac yang lalu saya juga telah bertanya kepada Kerajaan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk memberi sumbangan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bagi membantu persatuan di dalam kegiatan-kegiatan sepertimana yang telah dikurniakan kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia baru-baru ini. Jawapan yang saya terima berbunyi:

"Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk memberi sumbangan kewangan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bagi membantu persatuan di dalam kegiatan-kegiatan." "

Sekali lagi jawapan yang diberi sangatlah menghampakan. Tidaklah saya ingin hendak mengulaskannya, saya serahkan perkara ini kepada Dewan untuk direnungkan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya menyokong penuh Usul Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

5.30 ptg.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, sebagai kewajipan saya ingin turut bersama membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Mac yang lalu pada pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh ini.

Gambaran yang jelas dari Titah Ucapan Baginda adalah ditekankan kepada pentingnya asas-asas perpaduan yang didasarkan kepada sikap toleransi dan hormat-menghormati satu sama lain yang telah dibina selama ini, Sikap inilah yang mengekalkan kita hidup aman dan sejahtera antara semua kaum di negara ini. Dari Titah Ucapan Baginda itu kita telah mengenal senjata kita untuk menghadapi percubaan menggugat kestabilan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari Kertas Putih Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara kita diajak mengenal musuh-musuh kita, musuh negara ini. Ia digariskan sebagai ancaman keselamatan, ancaman perkauman dan ancaman berunsur keagamaan. Sebagai sifatnya sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama dan kebudayaan masyarakat Malaysia ini, masyarakat majmuk ini mudah dan cepat bergolak. Apatah lagi apabila perasaan kaum dan beragama itu sengaja diapi-apikan oleh tukang-tukang kipas.

Keruhnya suasana di negara ini dalam keadaan-keadaan tertentu pada saya bukan dicituskan oleh rakyat banyak tetapi sengaja diapi-apikan oleh beberapa pemimpin yang mencari pengaruh atau cuba mempertahankan pengaruhnya di dalam kumpulannya atau di dalam kaumnya untuk kepentingan peribadi atau untuk kepentingan politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman keselamatan dapat dihadapi oleh kekuatan Pasukan Bersenjata kita dengan sokongan padu dari rakyat jelata tetapi perpaduan itu akan hancur jika tukang-tukang kipas

dibiarkan terus mengapi-apikan perasaan perkauman dan agama disalahgunakan untuk kepentingan politik. Sikap toleransi dan rasa hormat-menghormati yang menjadi kekuatan kita selama ini akan musnah. Ketika itu keselamatan kita tidak akan terjamin lagi.

Pada saya tukang-tukang kipas ini adalah musuh utama negara. Ia amat berbahaya dalam masyarakat majmuk kerana ia orang bijak dan pintar yang memeralatkan demokrasi untuk membawa bencana yang mengakibatkan kehancuran kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dari Titah Ucapan Baginda itu kita mengenal senjata kita dan juga mengenal musuh kita. Mungkin senjata kita tidak cukup berbanding dengan ancaman yang kita hadapi. Bagaimanapun, saya yakin pemimpin-pemimpin kita akan terus berusaha memeras otak, menggandakan tenaga untuk mencari jalan apakah senjata-senjata lain yang lebih sesuai untuk memelihara perpaduan masyarakat majmuk ini supaya tetap utuh dan padu.

Pemimpin-pemimpin kita sentiasa berseru tentang pentingnya perpaduan kaum, Perpaduan kaum ini hendaklah jangan disalahtafsir kerana perpaduan di dalam kaum dalam masyarakat majmuk adalah berbahaya; Apa yang kita inginkan ialah perpaduan di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan di antara kaum ini teorinya memang banyak tetapi saya tidaklah sampai ke sana, sekadar menyebut asas-asasnya bagi menguatkan asas-asas perpaduan sebagai yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda yang dibahaskan ini.

Sebagai yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan, penghapusan kemiskinan tanpa mengira kaum perlu dilaksanakan menurut semangat dasar itu digubal. Institusi-institusi ekonomi yang mempunyai potensi hendaklah diwujudkan untuk disertai oleh tenaga penduduk berbagai kaum.

Misalnya, suatu syarikat kerjasama yang besar yang bukan bersifat perkauman hendaklah diwujudkan. Penekanan terhadap nilai-nilai bersama di dalam kehidupan kebudayaan bangsa perlulah dikaji. Sebenarnya, masyarakat majmuk Malaysia ini tidak menyedari bahawa kita mempunyai banyak persamaan iaitu mewarisi tradisi-tradisi agung seperti menghormati ibu-bapa, menghargai keluarga dan orang bijak pandai. Secara tidak disedari makanan dan pakaian masyarakat Malaysia ini semacam telah asimilasi. Apabila kita berjalan-jalan di Jalan Chow Kit, masakan Cina menjadi masakan Melayu dan sebaliknya. Pakaian batik sudah tidak menjadi masalah. Semua orang sudah tidak merasa janggal memakainya. Cuma bila pakai uniform dan pakai songkok ada orang rasa janggal, songkok dipegang dan hanya diletakkan di kepala apabila terpaksa. Soal songkok ini saya rasa lama-lama akan jadi seperti baju batik juga kerana ia adalah pakaian budaya sejarah rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyerapan kebudayaan yang berjalan dengan cara-cara yang halus dan senyap adalah lebih berkesan dan biarlah ia berjalan mengerjakan kerjanya dengan sendiri. Jikalau persamaan ini boleh menyerap dengan sendirinya tanpa arahan rasmi, tidak ada sebab lain persamaan kita tidak boleh diwujudkan dalam usaha kita membina satu bangsa Malaysia yang padu, satu bangsa Malaysia yang bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu disentuh di sini bahawa sikap liberal yang diamalkan selama ini merupakan satu ujian kepada rakyat negara ini. Sejauh mana sikap liberal Kerajaan itu dihargai dan dihormati oleh tukang-tukang kipas. Saya ucapkan tahniah atas kebijaksanaan Perdana Menteri kita bahawa secara tidak disengaja sikap liberal yang diamalkaa oleh Kerajaan selama ini memberi tuah.

Kerajaan dapat mengenalpasti orang-orang yang menjadi tukang kipas. Tindakan kepada orang-orang tukang kipas ini adalah wajar. Kebijaksanaan bertindak sebelum terlambat adalah dipuji. Semasa saya bersekolah dahulu, saya diajar pepatah Melayu seperti kera diberi bunga. Setelah saya dewasa fahamlah saya bahawa susah mencari seorang guru untuk mengajar kera menghargai bunga. Tetapi ada orang kata kera boleh diajar dengan diberi orkid bunga hitam. Entahlah! Tindakan Kerajaan menahan tukang-tukang kipas ini daripada menimbulkan ketegangan kaum adalah salah satu daripada jawapan kepada punca masalah. Mengelakkan pertumpahan darah adalah lebih baik daripada meredakannya setelah terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, soal pembangunan ekonomi yang disentuh di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang beransur pulihnya ekonomi negara adalah sangat menggembirakan kepada rakyat. Ini bererti kadar kemiskinan yang tinggi di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar dapat diberi perhatian. Dasar pembasmian kemiskinan melalui pembangunan pertanian di luar bandar yang disalurkan menerusi program-program pertanian bersepadu, pembangunan tanah, subsidi baja padi dan khidmat sokongan adalah bertujuan mencapai matlamat tersebut. Apakah program-program pembangunan luar bandar ini disalurkan kepada projek-projek yang mempunyai kesan langsung kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang termiskin atau ia memakan kos yang tinggi tetapi faedahnya hanya dinikmati oleh sebilangan kecil petani atau apakah perbelanjaan yang tinggi ini disalurkan kepada usaha meningkatkan produktiviti pendapatan, gunateaga atau lebih berkesan daripada pembangunan yang menelan kos yang tinggi tetapi nikmatnya kepada kelompok termiskin masih disangsikan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Bangunan Parlimen ini, bahawa saya ingin mencadangkan apabila keadaan ekonomi negara pulih, bahagian dalam Bangunan Parlimen hendaklah dihiasi semula dengan dekorasi yang berprestasi, sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah Bangunan Parlimen pembuat dasar negara.

Lambang demokrasi yang kita banggakan. Bangunan ini harus mendapat penghormatan demikian kerana semenjak ia dibangunkan, ia berjasa besar kepada negara, maka sesuaihlah jika bahagian dalamnya dihias dengan ukiran-ukiran yang bermutu yang melambangkan porla-porla kehidupan rakyat berbilang kaum negara ini, kebudayaan, kesenian dan sejarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menarik perhatian Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bahawa kebanyakan tiang-tiang elektrik di beberapa bahagian di Sabah nampak condong ke kiri, condong ke kanan dan ada di antaranya semacam hendak tumbang. Adakah ia sengaja didirikan begitu menurut kehendak keperluan teknik atau kontraktor-kontraktor yang membinanya tidak mengikut peraturan binaan, iaitu sebelum simen-simen pangkal tiang cukup keras, kawat-kawat sudah direntangkan atau adakah kerana kontraktornya sengaja tidak mengikut spesifikasi kerana hendak cepat siap, murah ongkos dan untung besar. Alangkah indahnyanya negara kita jikalau tiang-tiang elektrik di negara kita ini tegak-tegak belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca di suratkhbar bahawa kisah Barlow dan Chambers yang dihukum gantung kerana kesalahan dadah di negara ini akan difilemkan oleh perusahaan filem luar negeri. Kerajaan hendaklah berhati-hati kemungkinan perolahan cerita yang sengaja mencemarkan imej negara ini. Kemudian sebuah rencana mengenai 'Bahayanya Makanan Segera' di **Berita Harian** menarik perhatian saya. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi perhatian ke atas perkara ini? Dinyatakan bahawa sebahagian dari makanan segera itu tidak berkhasiat. Adakah Kerajaan telah

membuat penelitian dan jika benar, tidakkah Kementerian yang bersangkutan membuat peraturan-peraturan lebih ketat atau menutup sahaja perusahaan yang memperdayakan orang ramai, terutamanya anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang menanam semangat cintakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat supaya matlamat perpaduan nasional tercapai, kita hendaklah menyedarkan rakyat tentang hasil-hasil dari usaha menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pelajaran kita. Misalnya generasi muda kita telah dapat berkomunikasi dengan mudah dan pelajar-pelajar bukan dari keturunan Melayu dapat berbahasa Malaysia dengan begitu baik. Proses komunikasi ini akan mewujudkan nilai-nilai kebudayaan yang sama, walaupun tidak tercapai hari ini, mungkin dalam jangka panjang ia akan tercapai sekiranya faktor-faktor yang menghalang tercapainya cita-cita itu dapat diatasi. Salah satu faktor yang selalu kita dengar dari mulut orang ramai bahawa Bahasa Malaysia belum dapat mengatasi masalah istilah dan terjemahan buku-buku ilmu ke dalam Bahasa Malaysia. Pada hemat saya kita tidaklah harus menumpukan perhatian kita khusus kepada soal-soal istilah dan terjemahan hingga menyebabkan kita hilang rasa kecintaan terhadap Bahasa Malaysia. Masalah itu lambat-laun akan dapat diselesaikan sekiranya Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa sosial, bahasa pergaulan dan pertuturan di semua peringkat. Kita hendaklah menyoal kepada diri kita bahawa adakah Bahasa Malaysia telah digunakan dengan meluasnya di peringkat elit, termasuk di kalangan elit Melayu sendiri. Kegagalan elit dalam menggunakan Bahasa Malaysia dalam pergaulan itu membawa kesan negatif kepada masyarakat bawahan.

Dewasa ini kita menggalakkan pelajar-pelajar kita belajar bahasa Inggeris dengan tujuan supaya kita dapat bertutur dalam bahasa itu. Pada fahaman saya apa yang diperlukan bukan komunikasi dalam bahasa Inggeris kerana pertuturan rakyat Malaysia pada masa hadapan sudah pasti dalam Bahasa Kebangsaan dengan adanya sistem yang ada sekarang. Tujuan kita mengajar bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar adalah untuk mendapatkan 'comprehenston English', dengan izin, supaya membolehkan pelajar-pelajar memahami teks yang tinggi mutu bahasa Inggerisnya. Kita jangan keliru dengan mempelajari bahasa Inggeris bukan kerana Bahasa Malaysia kita tidak bernilai dan tidak meyakinkan, tetapi 'comprehension English' itu lebih bermanfaat daripada komunikasi Inggeris.

Berhubung dengan ini kita amat gembira apabila Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir dalam lawatan rasminya di Burma baru-baru ini telah menyampaikan ucapannya dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Malaysia boleh rnenggunakan dalam hubungan antarabangsa. Nilai Bahasa Malaysia kita semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa Bahasa Malaysia tidak dapat digunakan dengan luasnya di dalam sistem perundangan kita. Sistem perundangan kita didasarkan kepada English Common Law Di pertengahan abad ke 19, ketika Jepun memulakan modenisasinya telah juga meminjam sistem-sistem perundangan Eropah, tetapi menggunakan bahasa Jepun. Di Indonesia misalnya, sejarah kolonial Belanda tidak menghalang bahasa Indonesia digunakan di mahkamah-mahkamahanya. Negara-negara Asia Barat dipengaruhi oleh sistem perundangan Peranchis, tetapi negara-negara itu dapat menggunakan bahasa Arab di dalam sistem perundangan mereka. Soalnya sekarang kalau kita hendak seribu daya, tak perlu seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Tan Chai Ho** .

5.47 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun berucap di Dewan ini. Mula-mula saya ingin menyatakan sokongan sepenuhnya kepada Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda .

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah titah yang penuh dengan kebijaksanaan dan keadilan. Dalam titah ini Seri Paduka Baginda bukan sahaja telah menyentuh tentang berbagai masalah yang dihadapi oleh negara kita sekarang, tetapi juga telah memberi teguran-teguran dan nasihat-nasihat yang amat kena pada tempatnya dan tepat pada masanya, terutama sekali nasihat-nasihat Baginda mengenai perpaduan negara haruslah diambil berat oleh setiap rakyat Malaysia demi kepentingan negara dan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul Titah Ucapan Baginda bahawa keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara kita adalah bergantung kepada perpaduan rakyat. Perpaduan merupakan asas bagi kekuatan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Jika perpaduan negara terjejas, segala usaha yang kita curahkan ke dalam pembangunan berbagai bidang akan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diketahui umun Kerajaan kita telah memberi perhatian berat kepada masalah perpaduan sejak dari kemerdekaan lagi.

Berbagai-bagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu, bahkan Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan sejak permulaan tahun 1970an juga bertujuan untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Kerajaan ke arah mewujudkan perpaduan negara telah meninggalkan kesan-kesan yang tertentu. tetapi ternyata sekali usaha-usaha selama ini masih belum mencukupi. Amat dikesalkan bahawa dengan segala usaha Kerajaan ini masih terdapat gejala-gejala polarisasi kaum di kalangan rakyat, terutamanya di kalangan generasi muda. Mengapakah hal ini biasa terjadi? Apakah ianya berpunca dari kekurangan dan kelemahan sistem pendidikan kita ataupun dipengaruhi oleh nilai-nilai yang bersifat negatif. Bagaimanakah gejala ini iaitu gejala polarisasi kaum dapat dikaitkan dengan dasar-dasar Kerajaan, misalnya dasar ekonomi?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah persoalan yang harus kita kaji betul-betul jika kita ingin mencegah masalah polarisasi dari merebak dan meruncing. Saya bersetuju benar dengan Titah Ucapan Baginda bahawa kita hendaklah berwaspada terhadap perkembangan di persekitaran kita dan mengambil langkah penyesuaian yang sesuai untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup di dalam sebuah dunia yang mengalami perubahan pesat dalam berbagai bidang terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi. Dua, tiga dekad yang lalu kita biasa mempunyai gambaran tentang sebuah dunia yang terbahagi kepada dua bloc yang besar iaitu Bloc Barat (Demokratik) dan Bloc Timur (Komunis). Tetapi sejak tahun-tahun kebelakangan ini banyak

perubahan telah berlaku di bidang politik atau ekonomi antarabangsa sehingga dunia by-polar kini telah digantikan oleh dunia multi-polar, dengan izin. Oleh sebab yang demikian, gambaran atau pandangan "dichotomy" iaitu pandangan bahagi dua ini tidak laku lagi sekarang. Politik dan ekonomi antarabangsa sekarang adalah jauh lebih complex dan sophisticated daripada 20, 30 tahun yang lalu. Jadi, sekiranya kita masih berpegang kepada gambaran atau pandangan lama yang bersifat "dichotomy", kita akan ketinggalan zaman dan tidak mungkin mengubah dasar-dasar atau polisi-polisi yang bersesuaian dengan persikataran antarabangsa yang baru.

Dalam bidang ekonomi dan perhubungan luar, misalnya, saya mendapati negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Singapura dan Thailand adalah melaksanakan dasar-dasar yang lebih flexible daripada negara kita. Dengan lain perkataan, mereka adalah lebih cepat bertindak mengambil langkah yang bersesuaian untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka .

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menyeru Kerajaan supaya lebih peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di-sekitar kita dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dengan secepat mungkin untuk memastikan kita tidak ketinggalan zaman semata-mata kerana kita berpegang teguh kepada satu gambaran dunia yang sudah usang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan iklim pelaburan, saya rasa kita memerlukan sesuatu yang jauh lebih mustahak daripada insentif yang sedia ada sekarang, iaitu kestabilan politik. Jika negara kita terus dihantui oleh pertikaian politik yang hebat, mustahillah pelabur-pelabur asing akan tertarik kepada segala insentif yang kita beri itu. Oleh kerana begitu erat perkaitan di antara kestabilan

politik dan pertumbuhan ekonomi, maka saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan berkesan untuk mengelakkan sebarang pertikaian politik hebat dari berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selama ini segala dasar Kerajaan yang dilaksanakan adalah untuk kepentingan rakyat, akan tetapi apa yang dikesalkan ialah terdapat penyelewengan berlaku dalam proses pelaksanaannya. Ini juga telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kaum tertentu. Oleh itu tindakah keras harus diambil terhadap segelintir pegawai yang menyeleweng. Ini akan dapat memastikan segala dasar Kerajaan akan dapat dilaksanakan seperti yang dirancangkan pada masa akan datang.

Dari segi pelajaran, saya menyeru supaya lebih ramai lagi pelatih dilatih demi untuk mengatasi masalah kekurangan guru pada masa akan datang. Ini akan dapat menjamin kejayaan pelaksanaan sistem KBSR.

Saya juga menyeru kepada rakyat jelata supaya memberi sambutan hangat terhadap gerakan "Cintailah Bahasa Kita".

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelancongan, memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan memang merupakan daya penarik terhadap pelancong asing. Oleh itu kepelbagaian corak kebudayaan dan agama ini harus dipertunjukkan. Kalau tidak salah saya, Tarian Singa telah dibentangkan sebagai salah satu aturcara dalam majlis pelancongan. Ini jelas menunjukkan sikap liberal Kerajaan terhadap amalan kebudayaan lain-lain kaum. Tidak syak lagi kemajuan sektor pelancongan bukan sahaja menambah pendapatan negara bahkan juga mengurangkan masalah pengangguran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, kita sokong seruan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Yang di-Pertuan Agong yang menyeru rakyat jelata memberi sokongan sepenuhnya terhadap pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad demi untuk mengatasi segala cabaran yang dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit pandangan dan cadangan ini, maka saya sekali lagi menyatakan sokongan penuh terhadap Usul yang dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.
6.03 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk menyokong Usul merakamkan sembah Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketujuh pada 7hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Ucapan Baginda itu tepat dan padat, kena pada masa dan ketikanya. Dalam Titah Baginda untuk menyeru semua rakyat negara ini menumpukan taat setia kepada negara, mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat seharusnya menjadi renungan kita bersama, khususnya kita Ahli Dewan yang mulia ini untuk mempraktikkan amanat di dalam Titah Kebawah Duli itu.

Tuan Yang di-Pertua, taat setia adalah merupakan sata perkara yang sangat penting kepada rakyat di sesebuah negara. Kalau kita bercakap atau berucap berkenaan dengan taat setia tetapi pelaksanaannya tidak serupa dengan yang kita katakan, saya rasa itu adalah satu gejala yang amat mendukacitakan. Kesetiaan ini seharusnya bermula daripada anak-anak sekolah. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan khususnya, setelah Kerajaan melalui Kementerian Penerangan menjalankan Kempen Setia dengan menyanyikan lagu "Setia", saya berharap kepada sekolah-sekolah akan mengadakan kegiatan minggunya menyanyikan lagu "Setia" ini, lagu "Negaraku" dan juga Lagu Kebangsaan negeri masing-masing. Dengan ini, saya rasa akan dapat kita menanamkan bibit-bibit kesetiaan itu lebih mendalam kerana pada pendapat saya, kita melentur buluh daripada rebung. Kalau sudah menjadi aur, tidak ada gunanya lagi.

Kita telah merdeka lebih 30 tahun tetapi kita masih bercakap lagi soal perpaduan, kesetiaan yang sepatutnya sudah tidak boleh dipersoalkan lagi. Hari ini kedapatan segelintir rakyat kalau lagu "Negaraku", lagu Kebangsaan negara kita dinyanyikan, masih ada yang tidak menghormatinya lagi. Kalau ada yang berdiri pun masih tergaru-garu, pandang kiri-kanan seolah-olah meragukan penghormatan mereka kepada lagu Kebangsaan kita itu. Jadi saya rasa penekanan ini seharusnya kepada anak-anak sekolah, murid-tmurid sekolah ini dipergiatkan lagi, tidak kira apa juga bentuk kaum rakyat di negara ini.

Saya katakan demikian kerana bagi generasi muda ini pada 10 atau 15 tahun akan datang kita akan dapat lihat kesannya kerana segelintir rakyat yang saya katakan tadi, masih tidak menghormati lagu Kebangsaan kita, saya anggap mereka ini sebagai ubi yang telah ganyut, kalau kita rebus 24 jam pun ia tidak akan empuk lagi [Keta-wa]. Inilah yang saya harapkan supaya generasi muda yang akan datang akan dapat menghayati taat-setia mereka kepada negara ini dan berte-rusan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Titah Baginda sepertimana yang tercatat, industri pelancongan yang berkembang semenjak bebera-pa tahun ini telah menjadi sumber pendapatan tukaran wang asing yang penting dan punca pertumbuhan ekonomi juga mewujudkan peluang-pelu-ang pekerjaan bagi rakyat. Dalam industri pelancongan ini, saya sukalah menarik perhatian iaitu di Johor ada sebuah pusat pelancong-an yang agak terkenal iaitu Desaru. Pusat pelancongan ini telah banyak memberikan pekerjaan dan menarik ramai pelancong dan mening-katkan ekonomi negeri ataupun negara khususnya.

Yang menjadi masalahnya ialah terdapat satu perkampungan nela-yan yang tidak tersusun di Tanjung Balau berhampiran Desaru dan ini telah menjelikkan pandangan para pelancong dan pihak KEJORA telahpun mengarahkan supaya pondok-pondok ini diroboh dan disediakan satu rumah tersusun bagi nelayan-nelayan ini. Saya difahamkan 80% dari-pada projek ini telahpun diselenggarakan yang sepatutnya pada akhir tahun lalu telahpun ditempatkan kepada nelayan. Tetapi malangnya projek ini masih terkandas dan diharapkan kepada Kementerian yang berkenaan agar dapat mengambil perhatian supaya tidaklah sampai ketika masanya nelayan-nelayan ini akan mendirikan semula pondok-pondok yang tidak teratur dan menjelikkan pandangan para pelancong.

Yang kedua, Tanjong Belungkot. Ia merupakan satu projek pelancongan lagi yang menghubungkan satu pengkalan feri di antara Tanjong Belungkor dan Changi, Singapura.

Saya ingin memberi perhatian kepada Kementerian yang berkenaan, penduduk tempatan hendaklah diutamakan dalam apa jua bentuk pekerjaan dan usaha-usaha dalam industri pelancongan ini. Kita tidak hendak apabila projek ini berjalan penduduk-penduduk setempat hanya sebagai penonton sahaja. Ini telah nampak bunga-bunga ataupun permulaannya berlaku di mana anak-anak tempatan sekitaran tidak diberi peluang untuk sama-sama menikmati arus pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Titah Duli Yang Maha Mulia ialah:

"Ke arah mempertingkatkan taraf hidup rakyat, Kerajaan mestilah terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha menambah kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik, jalan raya serta telefon."

Saya ingin menyarankan dalam meningkatkan lagi usaha pembangunan ini, saya inginlah menyatakan di sini, sama ada kepada Kementerian Kerjaraya, mahupun Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, iaitu sebuah jalan dalam perkampungan FELDA Pasir Raja yang telah diduduki oleh peneroka di situ lebih 20 tahun, tetapi kawasannya agak mendukacitakan, kalaulah dibandingkan dengan rancangan-rancangan sekitaran di mana mereka telah diberi jalan tar yang lebih sempurna, kalaupun tidak taraf yang lebih baik, tetapi

pada taraf yang agak sesuai dengan keadaan setempat yang ada di sekitaran Gugusan FELDA Taib Andak. Ini telah menjadi masalah, selalu dibangkitkan dan soal ini telah menjadi lumrah kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan. JKR kata tanggungjawab Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui FELDA, tetapi bila FELDA pula dihubungi, mengatakan ini bukan tanggungjawab mereka, ini tanggungjawab Kementerian yang lain. Jadi soal tolak-menolak inilah saya rasa yang menjadi mangsanya ialah rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin juga menyentuh di bidang kesihatan, sepertimana juga Titah Baginda:

"Di bidang kesihatan, Kerajaan hendaklah terus melaksanakan program-program untuk meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat melalui aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan yang lebih berkesan."

Saya suka merujuk kepada Dewan yang mulia ini, sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Gugusan FELDA Taib Andak, dibangunkan di FELDA Bukit Besar diawal tahun 1970an, semasa itu Menteri Kesihatan ialah Allahyarham Tun Sardon Jubir merasmikan Pusat Kesihatan tersebut, tetapi hingga hari ini Pusat Kesihatan Kecil itu terus tinggal dengan namanya Pusat Kesihatan Kecil, tidak dinaikkan taraf ke Pusat Kesihatan Besar yang penduduknya lebih daripada 10,000 orang. Kalau kita dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan semalam, nisbah yang paling baik pada sebuah negara ialah 2,800 ataupun 2,500 kepada seorang doktor, tetapi ini lebih daripada 10,000

nampaknya masih tidak ada apa-apa tindakan dibuat walaupun rayuan permohonan telah dimajukan beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pendidikan kita berterima kasih kepada Kerajaan kerana mewujudkan satu Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah yang saya kira lebih maju daripada kurikulum yang lama. Anak-anak kita lebih cepat membaca dan mengira berbeza deagan tahun-tahun sebelumnya, tetapi baru-baru ini pihak Kementerian telah mengarahkan pula supaya diadakan ujian pada kurikulum ini untuk melihat sejauh mana pencapaian. Kalaulah pada mulanya kurikulum ini diwujudkan adalah semata-mata untuk mewujudkan 3M, kalau tidak silap saya iaitu: "Membaca, Menulis dan Mengira". Dan guru-guru terpaksa pula menentukan bahawa semua murid-murid akan dapat pelajaran yang sama dengan membuat kumpulan-kumpulan kepada yang tiidak begitu baik sehingga menjadi baik, tetapi kalau ada Ujian Penilaian dibuat, maka sudah barang tentu keadaan murid yang lembab akan terus lembab, yang maju akan terus meningkat dan tidak dapat diseimbangkan pada segi menyampaikan pendidikan kepada anak-anak yang berkenaan itu, Jadi saya menyampaikan ini ialah atas pandangan dan penerangan beberapa orang Guru Besar yang saya temui di atas kedudukan yang mereka sedang alami sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga bertitah:

"Kerajaan dan rakyat sekalian adalah bertanggungjawab memupuk unsur-unsur akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat. Penyelewengan, pecah amanah dan rasuah semasa menjalankan

tugas, sama ada di kalangan Koperasi, Syarikat-syarikat dan kakitangan Kerajaan hendaklah dihapuskan sama sekali ."

Dalam hal ini saya inginlah menyentuh dalarn jenayah perdagangan, sebelum kita dengar Koperasi-koperasi Pengambil Deposit ini heboh di suratkhbar-suratkhbar dengan cara dan keadaannya, kita telah dengar kumpulan 'Ganda Wang Anda', yang menjadi mangsa ditipu oleh kumpulan ini ialah terdiri daripada orang kampung, petani-petani dan juga para peneroka. Dan sehingga ini kita tidak dengar apakah tindakan Kerajaan kepada syarikat-syarikat ini yang telah banyak menjalankan aktiviti yang melibatkan setengah petani terpaksa menjual kebun 10 ekar untuk membeli saham 'Ganda Wang Anda' ini, kerana kononnya dalam masa seminggu kalau kita masuk \$1,000 kita akan dapat \$500. Apakah tindakan dibuat oleh Kerajaan kepada penjenayah-penjenayah dagangan ini dalam bentuk 'Ganda Wang Anda'? Kalau ini terus berlaku saya merasa amat dukacita kerana di Gugusan Taib Andak sendiri yang saya tahu di FELDA banyak mangsa-mangsa ini yang masih tidak tahu di mana mereka hendak mendapat balik wang yang telah dilaburkan begitu banyak.

Dalam membasmi dadah, saya tidak lupa mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menggubal undang-undang untuk merampas harta-harta pengedar dadah ini, dan saya rasa masalah dadah sudah tidak asing lagi bagi kita dan diharap dengan adanya undang-undang ini akan dapat menghapuskan kerja-kerja pengedaran dadah.

Akhirnya saya inginlah membawa sedikit rayuan daripada sekumpulan pekerja atau petugas Kerajaan sesuai dengan Titah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

"Suka kita mengingatkan rakyat sekalian supaya terus mempertingkatkan prestasi dan produktiviti dalam menjalankan tugas masing-masing semoga negara bertambah maju dan makmur."

Soal yang saya hendak kemukakan ialah masalah tanggagaji O.W.G (Operator Wayang Gambar), Jabatan Penerangan.

Saya telah banyak ditemui oleh rakan-rakan saya ini yang dahulu setugas dengan saya di Jabatan Penerangan yang mengatakan hanya diberi gaji dalam Kumpulan 'D', kalau boleh mereka merayu dinaikkan kepada 'CII" kerana tugas dan tanggungjawab mereka ini amat berat, selain daripada menjaga mesin operator wayang gambar, mereka juga kena memandu kenderaan, menjaga keselamatan kenderaan, memasang alat pembesar suara dan menjaga harta yang bernilai tidak kurang daripada \$70,000. Jadi saya berharap juga Kerajaan timbangkanlah rayuan mereka di atas tanggungjawab dan usaha yang diberikan oleh mereka kerana tugasnya ialah sebagai kakitangan Kerajaan yang terlibat langsung dengan Jabatan Penerangan, Jabatan yang paling penting saya rasa di negara kita dalam menyampaikan semua maklumat kepada rakyat dan menerima balik maklumat rakyat untuk dibawa kepada Kerajaan bagi kestabilan negara kita seterusnya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Di-Raja pada 7hb Mac, 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

6.20 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian bersama-sama di dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Di-Raja yang telah dibentangkan pada 7hb Mac, 1988 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Di-Raja yang mengandungi sebanyak 1,434 perkataan sebagaimana yang telah sama-sama dibincang dan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Yang pertama, oleh kerana Titah Ucapan Di-Raja menyebut demokrasi dan pengorbanan serta toleransi pejuang-pejuang kemerdekaan yang telah dapat membela Malaysia sebagai sebuah negara yang aman damai, makmur dan harmoni, maka sekarang ini takdir Allah tidak dapat dielak, hukum alam telah berlaku. Setiap yang baru akan binasa, Allah jua yang akan kekal. Legakan peristiwa 14hb Februari, 1988 di mana Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu didapati sebagai satu pertubuhan yang tidak sah di sisi undang-undang, dapat apalah kiranya difahami oleh seluruh rakyat di dalam negara kita ini yang mengaku daripada berbilang keturunan kaum, kebudayaan, agama dan sebagainya supaya peristiwa ini tidak ada seorang pun manusia yang akan cuba menangguk di air keruh. Tidak akan cuba lagi mengkeruh suasana di dalam perpaduan orang-orang Melayu dan 1.4 juta ahli-ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Allahyarham P. Ramlee di dalam mewasiat nyaniannya menyebutkan "Buang yang keruh, ambil yang jernih, baru teguh peribadi"- buang yang keruh ambil yang jernih, baru teguh peribadi kita. Di dalam

Dewan ini kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebutkan masalah perpaduan, polarisasi kaum, kepentingan kelompok-kelompok kecil, tetapi kalau kita tidak mengeneipikan yang keruh dan kita sentiasa menimbulkan yang keruh, maka kejernihan tidak akan terbayang di depan kita.

Sebagai pemimpin, sebagai orang politik, sebagai ahli Dewan yang tertinggi dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan bahawa setiap perkataan yang kita lafazkan di dalam Dewan ini tercatat, setiap perkataan yang kita keluarkan akan menjadi sejarah kepada generasi yang akan datang. Kalau kita menyebutkan sesuatu yang berlawanan dengan jiwa dan nurani kita, maka kita disebut sebagai manusia munafik atau hipokrit, Jadi, di mana kita mahu menimbulkan keharmonian dan perpaduan di dalam negara kita ini yang telah merdeka 31 tahun. Kalau kita tidak dapat menyemaikan satu fahaman dan perasaan di kalangan kita sendiri sebagai pemimpin, sebagai tokoh, sebagai pembentuk masyarakat, sebagai pelulus undang—undang, sebagai pembahas tertinggi dalam negara ini, kita tidak meyakini apa yang kita buat selama ini, kita rugi. Kita mesti meyakinkan kepada diri kita, meyakinkan kepada bangsa kita Malaysia - saya tidak menyebut bangsa Melayu - kita mesti meyakinkan kepada bangsa Malaysia, rakyat Malaysia yang dari apa keturunan sekalipun bahawa inilah negara kita, inilah tempat kita hidup dan inilah tempat kita akan mati dan inilah tempat anak cucu cicit kita akan menerus menyambungkan nyawanya sehingga zaman berzaman.

Di dalam Ucapan Takziah kepada Mendiang Tun Tan Siew Sin, masing-masing di antara kita menyebutkan bagaimana ketinggian budi, keluhuran, pandangan jauhnya, tekad Mendiang Tun Tan Siew Sin sebagai negarawan Malaysia yang payah ditanding, maka itu sebagai

bukti, ayuh kita contohi dia, kita ikut jejak dia, kita mengambil daripada peribadinya itu sebagai warisan, kalau kita meyakini dan kita nampak bahawa dari mendiang Tun Tan Siew Sin itu ada bibit-bibit dan contoh murni, luhur untuk melahirkan satu generasi rakyat Malaysia berbilang kaum yang tidak payah disoal-soal lagi kesetiannya, perpaduannya, itu ininya dan sebagainya.

Titah Di-Raja menyebutkan di dalam para yang ketiga mengenai perpaduan, peranan pemimpin-pemimpin politik, peranan parti-parti politik di dalam negara kita. Sesuatu trajedi tidak akan berlaku - asap sahaja tidak akan timbul kalau tidak ada api-api itu panas kecil kawan, besar menjadi lawan, semua orang menerima hakikat ini. Tetapi kalau tidak kerana adanya pemimpin-pemimpin parti politik sama ada kawan kita atau lawan kita yang cuba meniup api yang kecil itu menjadi besar dan marak, langsung dikipas, kipas lagi, maka datang taufan, badai, ribut, petir, halalintar sabung-menyabung, maka peristiwa Oktober 1987, tangkapan ISA berlaku. Kecekapan ini kita sanjung tinggi, kecekapan Pasukan Keselamatan Polis kita di dalam menyenaraikan gerak geri-gerak geri mereka, kita sanjung tinggi. Tetapi apakah, Tuan Yang di-Pertua, telah menyemak mukasurat 19 Lampiran A, Kertas Putih. Saya dukacita mengapa peristiwa 1hb Ogos, 1945 ditulis. Saya dukacita mengapa peristiwa 21hb Ogos, 1945 Kiyai Salleh di Batu Pahat ditulis. Mengapa peristiwa Mei-Ogos, 1945, pergaduhan di Air Hitam ditulis? Ini di kampung saya berlaku di Parit Besar, Bagan. Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoo sebagai orang tua di kawasan itu memahami keadaan ini. Mengapa ini masih ditulis dan ditonjolkan? Seolah-olah kita sendiri mengajukan kepada masyarakat bahawa pergaduhan kaum, pertelingkahan kaum telah berlaku lebih lama.

Kalau hendak tulis, tulis lagi lebih lama bahawa ada orang kita sendiri yang memanggil Portugis menyerang Melaka sehingga Sultan, Kerajaan Melayu Melaka hancur, punah-ranah, itu mahu ditulis sekali. Ini sejarah, tidak boleh dinafikan. Raja Melaka hanyut selama 400 tahun, kita merdeka kita daulatkan Raja-raja semua.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi tentulah Kertas Putih tidak dapat hendak menulis sejarah Tanahair yang begitu panjang. Jadi, kalau kita tulis sejarah yang begitu panjang, maka tidak akan bangkit peristiwa Bukit Cina dan sebagainya. Kalau api yang telah mulai mahu padam, kita tiup balik, dia akan terus marak. Maka sebab itu Titah Di-Raja menyebutkan di dalam para 3 ini supaya para pemimpin politik dan parti politik dapat memainkan suatu peranan untuk menjaga negara, menjaga pengikutnya supaya peristiwa-peristiwa yang telah lalu menjadi pengajaran kepada kita. Titah Di-Raja sepatutnya kita renungkan bersama-sama.

Dalam pada itu, kita terdengar bahawa Ketua Polis Negara ada menyebutkan pengganas komunis ada di Serendah, pengganas komunis ada di Taman Templer, pengganas komunis ada di Ulu Langat, bukan Ulu Langat Batu 18, di Bukit Belacan, di belakang Kampung Pandan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok. Masa sudah cukup.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, Khamis 31hb Mac, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.